





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

LAPORAN TAHUNAN

Audit Dalam

2025



☎ 06 - 7654333
🌐 [mbseremban](http://mbseremban.com)
📍 Wisma MBS, Persiaran Forest Heights
1 Jalan Seremban - Tampin 70450
Seremban Negeri Sembilan

KEPERLUAN PELAPORAN

Berasaskan kepada Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1, Unit Audit Dalam, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) dengan ini menerbit dan mengemukakan senaskah Laporan Tahunan Audit Dalam Tahun 2025.

DITERBITKAN OLEH:
UNIT AUDIT DALAM
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Wisma MBS Persiaran Forest Heights 1
Jalan Seremban-Tampin 70450 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-7654849

Hak Cipta Terpelihara

Sebarang penerbitan semula laporan ini di dalam apa jua bentuk **TIDAK DIBENARKAN** kecuali kebenaran bertulis daripada pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban.

ISI KANDUNGAN

01

PENGENALAN

- i. Perutusan Kepimpinan Tertinggi Majlis - Datuk Bandar
- ii. Perutusan Kepimpinan Tertinggi Majlis - Setiausaha
- iii. Sepatah Kata Ketua Unit Audit Dalam
- iv. Prakata dan Penghargaan

PROFIL UNIT AUDIT DALAM

- i. Visi dan Misi
- ii. Objektif Unit Audit Dalam
- iii. Carta Organisasi
- iv. Carta Fungsi
- v. Pencapaian Unit Audit Dalam
- vi. Sumbangan Unit Audit Dalam kepada Majlis Bandaraya Seremban

02

03

PROGRAM TERAS UNIT AUDIT DALAM

- | | |
|---|---------|
| 3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) | 1 |
| 3.2 Pemeriksaan Mengejut AP 308 & AP 309 | 2 - 54 |
| 3.3 Pengauditan Pematuhan Kualiti
Dalaman MS ISO 9001:2015 | 55 - 60 |
| 3.4 Pengauditan Pemantauan 1 MS ISO
9001:2015 oleh SIRIM | 61 - 63 |

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

ISI KANDUNGAN

PENGAUDITAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

- | | |
|---|---------|
| 4.1 Pemeriksaan Peralatan Keselamatan
Pekerja | 64 - 67 |
| 4.2 Pengauditan Pengurusan Program
(Pelancongan, Komuniti dan Sukan) | 68 - 76 |

04

05

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

- | | |
|--|-----------|
| 5.1 Semakan Daftar Rekod Perolehan Secara
Pembelian Terus, Sebut Harga, Tender,
Rundingan Terus, Lantikan Terus & Undian
Tahun 2025 | 77 |
| 5.2 Pengauditan Pengurusan Utiliti MBS (Bil
Elektrik) | 78 - 80 |
| 5.3 Pengauditan Kadar Cukai Mengikut Status
Sebenar Bangunan | 81 |
| 5.4 Pengauditan Pengurusan Projek | 82 - 85 |
| 5.5 Pengauditan Pengurusan Letak Kereta (Suasa
Efektif dan Oval) | 86 - 104 |
| 5.6 Pengauditan Pengurusan Wang Amanah | 105 - 121 |
| 5.7 Pengauditan Pengurusan Deposit | 122 - 127 |
| 5.8 Pengauditan Pinjaman Kenderaan, Komputer
dan Pendidikan (Boleh Ubah) | 128 - 137 |

LAIN-LAIN AKTIVITI

- vii. Aktiviti-aktiviti Unit Audit Dalam

06

PERUTUSAN KEPIMPINAN TERTINGGI MAJLIS

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Laporan Tahunan Audit Tahun 2025 dapat diterbitkan sebagai satu dokumen penting dalam memperkukuh amalan tadbir urus, integriti serta akauntabiliti Majlis Bandaraya Seremban.

Justeru, tahun 2025 juga menyaksikan peralihan kepimpinan untuk Majlis Bandaraya Seremban. Saya mula menyandang jawatan Pengerusi pada 11 Ogos 2025, menggantikan Dato' Masri bin Haji Razali.

Sumbangan beliau yang tidak ternilai telah meletakkan asas yang kukuh bagi beberapa inisiatif dan pencapaian yang dinyatakan dalam laporan ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada beliau atas kepimpinan teladan beliau, khususnya dalam pelaksanaan pelbagai inisiatif bagi memastikan peranan unit audit dalam dapat melaksanakan fungsi-fungsinya sebagai entiti semak dan imbang di semua peringkat penyampaian perkhidmatan perbandaran sebagai sebuah majlis bandaraya.

Saya berharap agar laporan ini dapat mencerminkan komitmen berterusan organisasi dalam memastikan pengurusan kewangan, pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan awam dilaksanakan secara berhemat, telus dan mematuhi peraturan serta piawaian yang ditetapkan. Proses pengauditan yang dijalankan bukan sahaja bertujuan mengenal pasti tahap pematuhan, malah menjadi instrumen penambahbaikan berterusan ke arah pengurusan yang lebih cekap dan berkesan.

Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Unit Audit Dalam, pihak pengurusan, serta seluruh warga kerja atas komitmen, kerjasama dan profesionalisme yang ditunjukkan sepanjang pelaksanaan audit ini. Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang telah memberikan pandangan dan cadangan konstruktif demi mempertingkatkan prestasi organisasi.

Adalah menjadi harapan saya agar Laporan Tahunan Audit 2025 ini dapat dimanfaatkan sebagai panduan dan rujukan dalam memperkukuh sistem tadbir urus organisasi, seterusnya menyokong agenda pembangunan bandar yang mampan, inklusif dan berdaya saing. Sekian, terima kasih.



YBHG. DATO' IR. TS. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

PERUTUSAN KEPIMPINAN TERTINGGI MAJLIS



**YBRS. TUAN IR. TS. BR. MOHD KAMAL BIN MOHD YUSOF
SETIAUSAHA
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera, Dengan penuh rasa tanggungjawab dan komitmen terhadap prinsip tadbir urus yang baik, saya merakamkan penghargaan atas penerbitan Laporan Tahunan Audit Dalam Tahun 2025 Majlis Bandaraya Seremban sebagai dokumen rasmi yang mencerminkan kecekapan sistem kawalan dalaman serta tahap pematuhan organisasi terhadap peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa.

Fungsi audit dalam merupakan mekanisme penting dalam memperkukuh integriti, akauntabiliti dan ketelusan pentadbiran. Pelaksanaan audit berasaskan risiko sepanjang tahun ini telah membantu pengurusan mengenal pasti ruang penambahbaikan, memperkemas proses kerja serta memastikan pengurusan kewangan dan operasi Majlis dilaksanakan secara berhemat dan berkesan.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Audit Dalam serta seluruh jabatan dan bahagian yang telah memberikan kerjasama profesional sepanjang proses pengauditan dijalankan. Segala teguran dan syor yang dikemukakan hendaklah diambil tindakan sewajarnya demi memastikan penambahbaikan berterusan dapat direalisasikan.

Semoga laporan ini terus menjadi rujukan utama dalam memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan dan memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban.

PEPATAH KATA KETUA UNIT

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, Laporan Tahunan Audit ini disediakan sebagai manifestasi peranan dan komitmen Unit Audit Dalam dalam menyokong pengukuhan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman organisasi. Sepanjang tempoh pelaporan, aktiviti pengauditan telah dilaksanakan secara bebas dan objektif selaras dengan piagam audit serta piawaian profesional yang ditetapkan.

Penemuan dan syor audit yang dikemukakan bertujuan membantu pihak pengurusan menambah baik kecekapan operasi, tahap pematuhan terhadap peraturan serta keberkesanan sistem kawalan dalaman. Unit Audit Dalam akan terus memainkan peranan sebagai rakan strategik kepada pengurusan melalui pendekatan nilai tambah dan penambahbaikan berterusan.

Saya merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan dan semua warga kerja atas kerjasama yang diberikan sepanjang pelaksanaan audit. Semoga laporan ini dapat dimanfaatkan sebagai rujukan dalam usaha memperkukuh akauntabiliti dan integriti organisasi secara berterusan.



ENCIK MUHAMAD SHAHIZAD BIN SALEH
KETUA UNIT AUDIT DALAM
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

PERAKATA DAN PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, Laporan Tahunan Audit Dalam 2025 Majlis Bandaraya Seremban diterbitkan sebagai ringkasan pelaksanaan aktiviti pengauditan dalaman sepanjang tahun selaras dengan peranan Unit Audit Dalam dalam menyokong tadbir urus yang baik, pengurusan risiko dan pengukuhan sistem kawalan dalaman organisasi.

Laporan ini membentangkan skop serta hasil pengauditan yang dilaksanakan secara bebas dan objektif. Penemuan dan syor audit dikemukakan bagi membantu pihak pengurusan menambah baik kecekapan operasi, meningkatkan tahap pematuhan terhadap peraturan serta memperkuh akauntabiliti dan integriti organisasi. Seiring dengan keperluan persekitaran pentadbiran yang dinamik, Unit Audit Dalam Majlis Bandaraya Seremban komited untuk melaksanakan pengauditan berasaskan risiko dan pendekatan nilai tambah bagi menyokong pencapaian objektif strategik serta penyampaian perkhidmatan bandar yang cekap dan berkesan.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Datuk Bandar dan pihak pengurusan tertinggi Majlis Bandaraya Seremban atas sokongan dan komitmen berterusan terhadap fungsi Audit Dalam. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua ketua jabatan, unit dan warga kerja atas kerjasama serta maklum balas yang diberikan sepanjang pelaksanaan audit.

Dikesempatan ini juga, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Puan Nor Mursyidah Binti Chik** atas segala khidmat bakti, pengorbanan dan dedikasi luar biasa sepanjang memegang jawatan sebagai Ketua Unit Audit Dalam, yang bukan sahaja mencipta pencapaian cemerlang malah menjadi legasi serta penanda aras organisasi. Kami mendoakan agar segala jasa puan diberkati dan terus dilimpahi kejayaan dalam apa jua fasa baharu yang akan diceburi.

Tidak lupa, penghargaan turut diberikan kepada seluruh warga Unit Audit Dalam atas dedikasi, profesionalisme dan integriti dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Semoga laporan ini dapat dimanfaatkan sebagai rujukan dalam usaha memperkuh tadbir urus dan akauntabiliti Majlis Bandaraya Seremban secara berterusan.

WARGA KERJA

UNIT AUDIT DALAM

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

PASUKAN PENERBITAN



PENASIHAT

Muhamad Shahizad bin Saleh



KETUA PENYELARASAN LAPORAN

Azura Hanum binti
Rusdi Makarim



PENYEDIA LAPORAN

Hasnorniwayat binti
Ghani Hashim



EDITOR

Mohd Hasrul
Hafis bin Harun



EDITOR

Nur Izzati binti
Zainal



EDITOR

Siti Nur Emira binti
Mat Deris



EDITOR

Mohd Rakhis bin
Hashim

V

I

S

I

Menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan sistem pengurusan operasi dan kewangan Majlis Bandaraya Seremban selaras dengan amalan terbaik di samping meningkatkan kompetensi dalam sektor awam.

MBS

Melaksanakan pengauditan secara jujur, amanah dan bebas serta mengemukakan laporan yang seimbang kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban dan pihak Pengurusan Tertinggi ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan MBS.

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN


M

I


S

I

OBJEKTIF UNIT AUDIT DALAM



Memastikan sistem pengurusan dan kewangan jabatan diuruskan dengan teratur selaras dengan dasar, undang-undang dan prosedur yang ditetapkan.



Menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi dari segi tahap kesempurnaan, kecekapan dan ekonomi.



Mengenalpasti kelemahan dan ketidakpatuhan pihak terbabit serta mengesyorkan langkah-langkah bagi memperbaikinya dalam keadaan dimana tindakan pembetulan adalah diperlukan.

CARTA FUNGSI

LAPORAN TAHUNAN
AUDIT DALAM 2025

KETUA UNIT AUDIT DALAM

SEKSYEN PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN, PENGAUDITAN PRESTASI DAN AUDIT SUSULAN

1. Menjalankan Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengauditan Prestasi dan Pengauditan Lain Yang di arahkan oleh pihak pengurusan.
2. Menjalankan Pengauditan MS ISO 9001:2015.
3. Menjalankan Pemeriksaan Mengejut.
4. Menjalankan Pengauditan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB - PBT).
5. Membuat analisis ke atas Laporan Ketua Audit negara bagi memberi perhatian terhadap ketidakpatuhan utama kepada hasil daripada Laporan Audit.

SEKSYEN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

1. Mengurus surat-menyurat, rekod, fail dan dokumentasi Unit Audit Dalam.
2. Mengurus tuntutan perjalanan, elaun kerja lebih masa dan kebajikan kakitangan unit.
3. Menyelaras latihan, kursus dan pembangunan profesional juruaudit.
4. Mengurus aset dan inventori
5. Menyediakan anggaran belanjawan tahunan Unit Audit Dalam.

CARTA ORGANISASI

UNIT AUDIT DALAM TAHUN 2026



ENCIK MUHAMAD SHAHIZAD BIN SALEH
KETUA UNIT AUDIT DALAM

**SEKSYEN PENGAUDITAN PENGURUSAN
KEWANGAN, PENGAUDITAN PRESTASI DAN
AUDIT SUSULAN**

**SEKSYEN PENTADBIRAN
DAN PENGURUSAN**



**AZURA HANUM BINTI RUSDI
MAKARIM**
JURUAUDIT KANAN



**HASNORNIWATY BINTI GHANI
HASHIM**
JURUAUDIT KANAN



MOHD HASRUL HAFIS BIN HARUN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR



NUR IZZATI BINTI ZAINAL
JURUAUDIT







SITI NUR EMIRA BINTI MAT DERIS
PEMBANTU KHIDMAT AM











MOHD RAKHIS BIN HASHIM
PEMANDU KENDERAAN

PENCAPAIAN

PROGRAM TERAS AUDIT

-  1. Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA)
-  2. Pemeriksaan Mengejut AP 308 & AP 309 Bil. 1/2025
-  3. Pengauditan Audit Kualiti Pematuhan MS ISO 9001:2015
-  4. Pemeriksaan Mengejut AP 308 & AP 309 Bil. 2/2025




PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

-  1. Semakan Daftar Rekod Perolehan Secara Pembelian Terus, Sebut Harga, Tender, Rundiungan Terus, Lantikan Terus & Undian Tahun 2025
-  2. Pengauditan Pengurusan Utiliti MBS (Bil Elektrik)
-  3. Pengauditan Kadar Cukai Mengikut Status Sebenar Bangunan
-  4. Pengauditan Pengurusan Letak Kereta (Suasa Efektif dan Oval)
-  5. Pengauditan Pengurusan Projek & Perkhidmatan di MBS
-  6. Pengauditan Pengurusan Kumpulan Wang Amanah
-  7. Pengauditan Pengurusan Deposit
-  8. Pengauditan Pinjaman Kenderaan, Komputer dan Pendidikan

PENGAUDITAN PENGURUSAN PRESTASI

-  1. Pengauditan Pengurusan Program

PENGAUDITAN KHAS

-  1. Pemeriksaan Peralatan Keselamatan di Tempat Kerja
-  2. Pengauditan Pengurusan MyKiosk oleh UAD, MBS
-  3. Pra-pengauditan Anugerah Khas Inspektorat Keselamatan Perlindungan

UMBANGAN AUDIT DALAM


1. Pengauditan Pengurusan Utiliti MBS (Bil Elektrik) Tahun 2024

Terdapat akaun zon Seremban dan zon Nilai bagi lampu jalan, lampu isyarat, lampu hiasan dan lampu taman permainan yang di caj pada kadar tarif perdagangan.

Kadar yang sepatutnya dicaj adalah kadar tarif lampu jalan dengan anggaran perbezaan jumlah bayaran berdasarkan kadar tarif yang baru bagi tempoh setahun adalah RM 77,012.36

Syor Audit :

Jabatan diminta membuat semakan dan mengambil tindakan selanjutnya bagi memohon penukaran kadar tarif bagi akaun berkaitan ke TNB.



Tindakan Jabatan:


46 akaun telah ditukar ke tarif baharu oleh TNB

Penjimatan kepada majlis:
RM 77,012.36



2. Pengauditan Cukai Taksiran

Kadar cukai tidak dikenakan mengikut status sebenar guna bangunan berkenaan samaada kediaman, perniagaan atau industri bagi Tadika.



Tindakan Jabatan:

Tindakan telah diambil dengan membuat pindaan kadar berkuatkuasa 1/1/2026.

Peningkatan hasil:

Jumlah kenaikan cukai setahun selepas pindaan kadar adalah sebanyak RM 46,824.50 yang melibatkan 129 pegangan.




3. Pengauditan Pengurusan Letak Kereta (Suasa Efektif dan Oval)

Terdapat kawasan yang merupakan tempat tumpuan penduduk untuk menjalankan aktiviti harian. Namun begitu, caj tempat letak kereta tidak dikenakan bagi kawasan yang diwartakan.

Tindakan Jabatan:

Pentadbiran Majlis telah mengangkat kertas Cadangan untuk mengenakan Caj Bayaran Tempat Letak bagi kawasan yang belum dilaksanakan pengoperasian caj bayaran parkir ke Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan pada 16/2/2026.



Impak positif kepada majlis:

Peningkatan hasil kepada majlis sekiranya kertas cadangan tersebut diluluskan.



UMBANGAN AUDIT DALAM

4. Pengauditan Pengurusan Letak Kereta (Suasa Efektif dan Oval)

Penguatkuasaan bagi sewa petak khas perlu dilaksanakan bagi memastikan premis berkategori wajib ini memohon dan membuat bayaran bagi petak sewa khas sekaligus dapat meningkatkan hasil majlis.



Tindakan Jabatan:

Cop khas pada patil lesen untuk permohonan yang baharu pada tahun pertama yang disyaratkan sewa petak khas. Pelaksanaan penggunaan cop dikuatkuatkan pada 1 Februari 2026.

**Impak Positif kepada majlis:
Peningkatan hasil kepada majlis.**



5. Pengauditan Pengurusan Letak Kereta (Suasa Efektif dan Oval)

Tiada tuntutan bagi bayaran balik pakaian seragam dan topi bagi tahun 2022 dan bantuan khas kewangan bagi Februari 2024 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 30,816.35



Tindakan Jabatan:

Bayaran balik bagi ketiga-tiga tuntutan berjumlah RM 30,816.35 telah di buat bayaran oleh syarikat pada September dan Oktober 2026

**Tuntutan Kutipan:
RM 30,816.35**



6. Pengauditan Pengurusan Projek (Jabatan Taman dan Landskap)

Terdapat kerja-kerja yang dilaksanakan tidak mengikut kuantiti yang dinyatakan dalam BQ dengan jumlah terlebih bayar RM 17,798.00 melibatkan pemasangan EPDM.



Tindakan Jabatan:

Pihak kontraktor telah melaksanakan kerja mengikut kuantiti BQ.

**Manfaat kepada majlis:
Kerja-kerja yang telah dilaksanakan berdasarkan baki BQ berjumlah RM 17,798.00.**



UMBANGAN AUDIT DALAM

7. Pengauditan Pengurusan Projek (Jabatan Kejuruteraan)

Terdapat kesilapan jumlah pemotongan LAD. Bayaran balik sebanyak RM3,200.00 perlu dibuat kepada kontraktor.



Tindakan Jabatan:

Tindakan bayaran balik telah diambil.

Tindakan daripada majlis:

Bayaran balik LAD sebanyak RM3,200.00 telah dibuat kepada kontraktor.



8. Pengauditan Pengurusan Wang Amanah

Terdapat hasil terimaan bagi caj pemajuan yang masih belum di buat pindahan masuk ke akaun Amanah berkaitan.



Tindakan Jabatan:

Pindaan dan tambahan klausa terhadap tatacara penubuhan dan arahan akaun tabung amanah MBS telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKMA (Bil 3/2026).

Penambahbaikan pada klausa:

Pindaan dan tambahan klausa terhadap tatacara penubuhan dan arahan akaun tabung amanah MBS telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKMA (Bil 3/2026). **Melalui SOP tersebut, pemindahan wang ke Akaun Amanah Caj Pemajuan akan di buat dalam tempoh 14 hari bekerja selepas cek berjaya ditunaikan mulai 1 Mac 2026.**



9. Pengauditan Pengurusan Wang Amanah

Bagi hibah, faedah dan caj (ansuran) yang diterima dalam akaun ini tidak dinyatakan adalah arahan amanah sama ada kekal atau dipindahkan ke akaun operasi Majlis.



Tindakan Jabatan:

Pindaan dan tambahan klausa terhadap tatacara penubuhan dan arahan akaun tabung amanah MBS telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKMA (Bil 3/2026).

Penambahbaikan pada klausa:

Pindaan dan tambahan klausa terhadap tatacara penubuhan dan arahan akaun tabung amanah MBS telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKMA (Bil 3/2026). **Melalui SOP tersebut, yang mana dinyatakan hasil hibah akan dimasukkan kepada hasil Majlis mulai 1/1/2026 kecuali untuk Tabung Amanah Sumbangan Kubur manakala bagi caj denda 2% kekal di dalam akaun amanah berkaitan**



**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**


MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT (JKA)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) bertujuan memperkukuh tadbir urus kewangan melalui pengauditan dalaman, memantau penemuan audit, dan memastikan syor penambahbaikan dilaksanakan oleh PTJ. Ia berfungsi mengesan kelemahan pengurusan, meningkatkan kawalan dalaman dan memastikan integriti. Panduan mesyuarat ini tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan, khususnya PS 3.2 mengenai penubuhan JKA.

Fokus dan Peranan Penting Jawatankuasa Audit:

- **Aktiviti Pengauditan:** Melaksanakan audit terhadap PTJ untuk menghasilkan penemuan dan syor penambahbaikan.
- **Tindakan Susulan:** Menumpukan kepada keberkesanan tindakan susulan oleh PTJ dan pemantauan oleh ketua jabatan.
- **Pengukuhan Integriti:** Mengurangkan risiko salah guna kuasa dan memperkukuh sistem kawalan dalaman.
- **Pematuhan Pekeliling:** Memastikan amalan pengurusan kewangan mematuhi peraturan terkini Portal Pekeliling Perbendaharaan.

Berikut merupakan tarikh-tarikh pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Audit bagi Tahun 2025:



**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 & AP 309 BIL. 1/2025
23 JUN 2025 - 24 JUN 2025**

**PEMERIKSAAN
MENGEJUT BIL
1/2025**



TARIKH	LOKASI / JABATAN YANG TERLIBAT
23.6.2025	UNIT INTEGRITI
	UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
	JABATAN KESIHATAN: STOR BAHAN KIMIA
	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA: STOR ALAT TULIS
	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
	JABATAN KEWANGAN WISMA MBS: KAUNTER KUTIPAN HASIL
	UNIT UKUR BAHAN DAN PEROLEHAN: STOR UTAMA ALAT TULIS UNIT PEROLEHAN
PENOLONG SETIAUSAHA/ UNIT URUSETIA MESYUARAT	
24.6.2025	JABATAN KEWANGAN CAWANGAN NILAI: KAUNTER BAYARAN
	PEJABAT CAWANGAN NILAI
	JABATAN PENYELENGGARAAN
	JABATAN TAMAN DAN LANDSKAP: STOR NURSERI NILAI
	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN PELANCONGAN

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 & AP 309 BIL. 1/2025
23 JUN 2025 - 24 JUN 2025**

BIL	PENEMUAN	TINDAKAN	MAKLUMBALAS									
UNIT INTEGRITI												
1	<p>Buku Pemeriksaan AP 308 Semakan Buku Pemeriksaan AP 308 di Unit Integriti mendapati pemeriksaan telah dilaksanakan oleh ketua unit pada 11/6/2025. Walaubagaimanapun pemeriksaan hanya dilaksanakan ke atas buku 'touch n go' sahaja.</p> <p>Audit mengesyorkan skop pemeriksaan boleh ditambah baik dengan menambah skop pemeriksaan mengejut ke atas stor unit, buku log kenderaan dan pemeriksaan ke atas aset-aset berharga di jabatan.</p>	UI	<p>Unit Integriti telah menambahbaik skop pemeriksaan mengejut ke atas buku log kenderaan dan stor unit.</p> <p>STATUS: SELESAI</p>									
2	<p>Stor Unit Alat Tulis Unit Integriti</p> <p>a) Semakan audit ke atas 17 sampel stok alat tulis ini mendapati terdapat 2 item yang baki fizikalnya tidak sama dengan baki dalam sistem. Senarai item adalah seperti di bawah: -</p> <table border="1" style="margin-left: 40px;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Item</th> <th style="text-align: center;">Baki Fizikal</th> <th style="text-align: center;">Baki dalam sistem</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Canon 308</td> <td style="text-align: center;">3</td> <td style="text-align: center;">2</td> </tr> <tr> <td>Quilkscriin urin drug test- 5</td> <td style="text-align: center;">20</td> <td style="text-align: center;">21</td> </tr> </tbody> </table> <p>b) Semakan audit juga mendapati masih terdapat beberapa jenis ink cartridge jenama Canon yang tidak digunakan disimpan dalam stor. Syor: Ink Cartridge tiada keperluan kegunaannya perlu disenaraikan dan dipulangkan semula ke stor utama.</p> <p>c) Selain dari itu, terdapat juga stok bekalan perubatan (covid 19 self test & urine drug test) yang telah melepasi tarikh luput. Syor: Bekalan stok yang ada tarikh luput perlu diasingkan dan dicatatkan tarikh luputnya.</p>	Item	Baki Fizikal	Baki dalam sistem	Canon 308	3	2	Quilkscriin urin drug test- 5	20	21	UI	<p>Memo pelupusan stok telah dihantar ke Jabatan Khidmat Pengurusan pada 8 Julai 2025.</p> <p>STATUS: SELESAI</p>
Item	Baki Fizikal	Baki dalam sistem										
Canon 308	3	2										
Quilkscriin urin drug test- 5	20	21										
3	<p>Buku Log Kenderaan, Buku Penyata Minyak dan Buku Rekod Touch & Go Semakan mendapati ketiga-tiga rekod di atas dikemaskini sehingga rekod perjalanan terakhir iaitu pada 22/6/2025 dan semakan odometer pada kenderaan adalah sama seperti yang dicatatkan dalam buku log.</p>	UI	Makluman									






**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 & AP 309 BIL. 1/2025
23 JUN 2025 - 24 JUN 2025**

BIL	PENEMUAN	TINDAKAN	MAKLUMBALAS																																																		
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT																																																					
1	<p>Buku Pemeriksaan AP 308</p> <p>Semakan Buku Pemeriksaan AP 308 di UKK mendapati pemeriksaan telah dilaksanakan oleh ketua unit pada 19/6/2025. Pemeriksaan dijalankan bagi buku log kenderaan, buku touch n go, buku inden minyak, daftar pergerakan anak kunci dan stor alat tulis.</p>	UKK	Makluman																																																		
2	<p>Stor Unit Cenderamata UKK</p> <p>a) Pemeriksaan baki stok</p> <p>Pengiraan stok di buat ke atas beberapa sampel stok cenderamata dan di bandingkan dengan baki kad stok di dalam sistem estor. Hasil semakan mendapati terdapat perbezaan baki stok fizikal dengan baki yang terdapat didalam sistem estor bagi sampel dibawah.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Perihal Barang</th> <th>Kod Lokasi</th> <th>Baki Dalam e-Stor</th> <th>Baki Fizikal</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Diary</td> <td style="text-align: center;">101-001-001-006</td> <td style="text-align: center;">22</td> <td style="text-align: center;">20</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Buku Majlis Bandaraya Seremban</td> <td style="text-align: center;">101-003-001-062</td> <td style="text-align: center;">6</td> <td style="text-align: center;">7</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3</td> <td>Culture Souvenir & Plaque</td> <td style="text-align: center;">101-008-001-004</td> <td style="text-align: center;">37</td> <td style="text-align: center;">41</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">4</td> <td>Selendang Bercetak MBS Mafa Eksklusif</td> <td style="text-align: center;">101-008-002-001</td> <td style="text-align: center;">5</td> <td style="text-align: center;">3</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">5</td> <td>Tuala Mandi</td> <td style="text-align: center;">101-008-018-001</td> <td style="text-align: center;">522</td> <td style="text-align: center;">517</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">6</td> <td>Medal Eksklusif (Crystal / Acrylic)</td> <td style="text-align: center;">101-008-024-001</td> <td style="text-align: center;">55</td> <td style="text-align: center;">59</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">7</td> <td>Eco Wheat Cutlery</td> <td style="text-align: center;">101-008-029-001</td> <td style="text-align: center;">81</td> <td style="text-align: center;">78</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">8</td> <td>Foldable Silicone Bottle</td> <td style="text-align: center;">101-008-030-001</td> <td style="text-align: center;">81</td> <td style="text-align: center;">79</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">9</td> <td>Wooden Pen Holder</td> <td style="text-align: center;">101-008-031-001</td> <td style="text-align: center;">100</td> <td style="text-align: center;">94</td> </tr> </tbody> </table> <p>Mohon semakan dan tindakan selanjutnya bagi memastikan semua stok yang terdapat dalam stor ini mempunyai baki fizikal yang sama dengan baki dalam sistem.</p>	Bil	Perihal Barang	Kod Lokasi	Baki Dalam e-Stor	Baki Fizikal	1	Diary	101-001-001-006	22	20	2	Buku Majlis Bandaraya Seremban	101-003-001-062	6	7	3	Culture Souvenir & Plaque	101-008-001-004	37	41	4	Selendang Bercetak MBS Mafa Eksklusif	101-008-002-001	5	3	5	Tuala Mandi	101-008-018-001	522	517	6	Medal Eksklusif (Crystal / Acrylic)	101-008-024-001	55	59	7	Eco Wheat Cutlery	101-008-029-001	81	78	8	Foldable Silicone Bottle	101-008-030-001	81	79	9	Wooden Pen Holder	101-008-031-001	100	94	UKK	<p>UKK telah membuat pemeriksaan semula dan baki stok fizikal cenderamata dan baki kad dalam e-Stor sehingga 21.7.2025. Setelah disemak terdapat baki yang berlebih disebabkan terdapat beberapa jabatan bertindak dengan memulangkan semula cenderamata disebabkan perkara-perkara tertentu. Kelemahan dalam sistem yang tidak mempunyai kolum berkaitan pemulangan stok menyebabkan perekodan sistem tidak selari dengan stok fizikal. UKK telah merangka borang bagi pemulangan cenderamata untuk diisi oleh jabatan yang terlibat selain mengarahkan jabatan untuk mengisi ke dalam e-Stor terlebih dahulu.</p> <p style="text-align: right;">STATUS : SELESAI</p>
Bil	Perihal Barang	Kod Lokasi	Baki Dalam e-Stor	Baki Fizikal																																																	
1	Diary	101-001-001-006	22	20																																																	
2	Buku Majlis Bandaraya Seremban	101-003-001-062	6	7																																																	
3	Culture Souvenir & Plaque	101-008-001-004	37	41																																																	
4	Selendang Bercetak MBS Mafa Eksklusif	101-008-002-001	5	3																																																	
5	Tuala Mandi	101-008-018-001	522	517																																																	
6	Medal Eksklusif (Crystal / Acrylic)	101-008-024-001	55	59																																																	
7	Eco Wheat Cutlery	101-008-029-001	81	78																																																	
8	Foldable Silicone Bottle	101-008-030-001	81	79																																																	
9	Wooden Pen Holder	101-008-031-001	100	94																																																	

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 & AP 309 BIL. 1/2025
23 JUN 2025 - 24 JUN 2025**

2	<p>Stor Unit Cenderamata UKK</p> <p>a) Pelabelan Stok disusun dengan teratur walaubagaimanapun ianya tidak dilabelkan.</p> <p>b) Penempatan Stok Cenderamata Stok cenderemata di simpan didalam bilik yang berkunci. Walaubagaimanapun semasa semakan terdapat stok cenderemata yang diletakkan di ruang kerja memandangkan ruang bilik tersebut kecil dan terhad.</p> <p align="center">STOR CENDERAMATA UKK</p>  <p align="center">STOK CENDERAMATA YANG DITEMPATKAN DI RUANG KERJA</p> 	UKK	<p>a) Pelabelan stok telah dilakukan mengikut senarai stok cenderamata yang baharu.</p>  <p>b) UKK mempunyai ruang bilik cenderamata yang terhad berbanding dengan stok cenderamata yang diperlukan oleh setiap jabatan.</p> <p>UKK akan membincangkan dalam mesyuarat berkaitan susun atur dan penempatan stok dengan menggunakan bajet 2026.</p> <p align="right">STATUS: SELESAI</p>
---	--	-----	--

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 & AP 309 BIL. 1/2025
23 JUN 2025 - 24 JUN 2025**

3	<p>Buku Log Kenderaan, Buku Penyata Minyak dan Buku Rekod Touch & Go</p> <p>Semakan mendapati ketiga-tiga rekod di atas dikemaskini sehingga rekod perjalanan terakhir iaitu pada 22/6/2025 dan semakan odometer pada kenderaan adalah sama seperti yang dicatatkan dalam buku log.</p>	UKK	Makluman
---	--	-----	----------

BIL	PENEMUAN	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN			
1	<p>Buku Pemeriksaan AP 308</p> <p>Semakan mendapati tiada bukti pemeriksaan setiap 6 bulan dijalankan oleh Ketua Jabatan memandangkan tiada buku pemeriksaan tersebut semasa semakan di jabatan.</p> <p>Syor Audit: Ketua jabatan perlu menjalankan pemeriksaan mengejut secara berkala ke atas tiap-tiap barangan berharga seperti aset, stok dan rekod penggunaan kenderaan. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Buku Daftar Pemeriksaan Mengejut AP 308</p>	JK	<p>Pemeriksaan mengejut oleh pihak JK telah dijalankan pada 8 Julai 2025.</p> <p style="text-align: center;">STATUS: SELESAI</p>
2	<p>Stor Utama Jabatan Kesihatan</p> <p>- Semakan audit mendapati JK ada menyediakan 3 ruang untuk menempatkan stok barang-barang berkaitan racun dan peralatan untuk kerja-kerja semburan kabus (<i>fogging</i>), ULV dan <i>larviciding</i> (<i>kawalan larva</i>) serta kerja-kerja pembersihan.</p> <p>Ruang pertama digunakan bagi menempatkan peralatan yang digunakan oleh pasukan semburan <i>fogging</i> seperti mesin <i>fogging</i>, ULV, <i>larviciding</i> (<i>kawalan larva</i>) dan minyak diesel.</p> <p>Ruang kedua dan ketiga digunakan bagi menempatkan stok-stok barang seperti bahan kimia, racun dan bahan-bahan untuk kerja pembersihan.</p> <p>a) Pemeriksaan baki stok Pengiraan stok di buat ke atas beberapa sampel stok dan di bandingkan dengan baki kad stok di dalam sistem e-Stor.</p>	JK	<p>a) Pemeriksaan baki stok: -</p> <p>Perangkap Minyak - telah disimpan di bilik pegawai cawangan Nilai semasa pemeriksaan kerana kerja-kerja akhir kontraktor dilakukan di kawasan Nilai</p> <p>Aqua Resigen 1 Liter & Resigen – Semakan di stor didapati baki berpadanan dengan baki dalam e-Stor. Kekeliruan timbul semasa audit dijalankan adalah disebabkan stok racun tidak disusun dengan baik & teratur.</p>

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 & AP 309 BIL. 1/2025
23 JUN 2025 - 24 JUN 2025**

Hasil semakan mendapati terdapat perbezaan baki stok fizikal dengan baki yang terdapat didalam sistem e-Stor bagi sampel dibawah.

Bil	Perihal Barang	Kod Lokasi	Baki Dalam e-Stor	Baki Fizikal
1	Perangkap Minyak	105-004-064-001	68	0
2	Aqua Resigen 1 Liter	110-002-004-004	252	192
3	Resigen	110-002-004-006	250	240
4	Sumithion 1 Liter	110-002-004-007	425	573
5	Malathion UL96	110-002-004-031	7	9

Mohon semakan dan tindakan selanjutnya bagi memastikan semua stok yang terdapat dalam stor ini mempunyai baki fizikal yang sama dengan baki dalam sistem.

Ruangan 1 (Stor 1)



Stor 2



Terdapat lebih dalam rekod stok racun seperti berikut: -

Sumithion 1 Liter – lebih 148 unit

Malathion UL96 – lebih 2 unit

Lebihan ini wujud susulan tindakan pengeluaran stok daripada sistem bagi tujuan Operasi Kawalan Denggi secara besar-besaran yang dijalankan bersama Pejabat kesihatan Daerah (PKD) di kawasan Nilai pada 17 Februari 2025.

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM

PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 & AP 309 BIL. 1/2025
23 JUN 2025 - 24 JUN 2025

Stor 3



b) Penempatan Stok Utama

Semakan mendapati tedapat stok utama bahan racun yang tidak disusun di rak-rak. Stok-stok berkenaan hanya ditempatkan di ruang legar sahaja dan tidak dilabelkan.

c) Pelabelan

Stok yang ditempatkan di stor 3 (ruangan bersebelahan dengan tandas) dilabelkan. Walaubagaimanapun bagi stok yang ditempatkan di stor 2 (ruangan ke 2 di deretan stor) ianya tidak dilabelkan sepenuhnya.

Pengemaskinian label stok perlu dilaksanakan oleh jabatan.

b) Penempatan Stok Utama

Stok telah ditempatkan di ruangan yang disediakan.

c) Pelabelan

Label racun telah dipasang.

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 & AP 309 BIL. 1/2025
23 JUN 2025 - 24 JUN 2025**

	<p>d) Pengiraan Stok</p> <p>Semakan mendapati pengiraan stok tidak di buat oleh pegawai stor di dalam melalui sistem estor. Merujuk kepada pekeliling AM 6.1, pengiraan stok perlu dilaksanakan oleh pegawai stor yang dilantik.</p>		<p>d) Pengiraan Stok</p> <p>Pengiraan stok telah dilakukan oleh pegawai stor merangkumi stok-stok baru yang dihantar oleh pihak pembekal.</p> <p align="right">STATUS: SELESAI</p>
3	<p>Aset</p> <p>Semakan ke atas stor JK di bengkel mendapati terdapat 2 mesin fogging lama yang telah rosak. Kakitangan juga memaklumkan terdapat 3 lagi mesin yang sama di Stor Jalan Labu yang juga telah rosak.</p> <p>Mohon status pelupusan bagi aset tersebut.</p>	JK	<p>JK telah menghantar memo bertarikh 8 Julai 2025 kepada JKP berkenaan pelupusan mesin fogging tersebut.</p> <p align="right">STATUS: SELESAI</p>

BIL	PENEMUAN	TINDAKAN	MAKLUMBALAS																								
JABATAN KEWANGAN																											
PEMERIKSAAN KAUNTER BAYARAN PEJABAT CAWANGAN NILAI																											
1	<p>Pemeriksaan Mengejut pada 24/06/2025 jam 10.57 pagi di kaunter 17 dan kaunter 20 mendapati jumlah kutipan tunai sama dengan Laporan Ringkasan Kutipan semasa pemeriksaan mengejut dijalankan.</p> <p>Jumlah kutipan adalah seperti dibawah:</p> <p align="center">Kaunter 17</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th> <th>RM (Laporan)</th> <th>RM (Semakan Fizikal)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kutipan Tunai</td> <td align="right">10.00</td> <td align="right">10.00</td> </tr> <tr> <td>Kad Debit</td> <td align="right">2,551.70</td> <td align="right">2,551.70</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td align="right">2,561.70</td> <td align="right">2,561.70</td> </tr> </tbody> </table> <p align="center">Kaunter 20</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th> <th>RM (Laporan)</th> <th>RM (Semakan Fizikal)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kutipan Tunai</td> <td align="right">2,007.40</td> <td align="right">2,007.40</td> </tr> <tr> <td>Kad Debit</td> <td align="right">3,809.50</td> <td align="right">3,809.50</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td align="right">5,816.90</td> <td align="right">5,816.90</td> </tr> </tbody> </table>	Perkara	RM (Laporan)	RM (Semakan Fizikal)	Kutipan Tunai	10.00	10.00	Kad Debit	2,551.70	2,551.70	Jumlah	2,561.70	2,561.70	Perkara	RM (Laporan)	RM (Semakan Fizikal)	Kutipan Tunai	2,007.40	2,007.40	Kad Debit	3,809.50	3,809.50	Jumlah	5,816.90	5,816.90	JKW	MAKLUMAN
Perkara	RM (Laporan)	RM (Semakan Fizikal)																									
Kutipan Tunai	10.00	10.00																									
Kad Debit	2,551.70	2,551.70																									
Jumlah	2,561.70	2,561.70																									
Perkara	RM (Laporan)	RM (Semakan Fizikal)																									
Kutipan Tunai	2,007.40	2,007.40																									
Kad Debit	3,809.50	3,809.50																									
Jumlah	5,816.90	5,816.90																									

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 & AP 309 BIL. 1/2025
23 JUN 2025 - 24 JUN 2025**


BIL	PENEMUAN	TINDAKAN	MAKLUMBALAS																																			
PEJABAT CAWANGAN NILAI (PCN)																																						
1	<p>Buku Pemeriksaan AP 308 Semakan mendapati tiada bukti pemeriksaan setiap 6 bulan dijalankan oleh Ketua Jabatan memandangkan tiada buku pemeriksaan tersebut semasa semakan di jabatan.</p> <p>Syor Audit: Ketua jabatan perlu menjalankan pemeriksaan mengejut secara berkala ke atas tiap-tiap barangan berharga seperti aset, stok dan rekod penggunaan kenderaan. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Buku Daftar Pemeriksaan Mengejut AP 308.</p>	PCN	<p>Buku daftar pemeriksaan mengejut AP 308 telah disediakan di jabatan untuk tindakan pemeriksaan setiap 6 bulan oleh Ketua Jabatan.</p> <p style="text-align: right;">STATUS: SELESAI</p>																																			
2	<p>Franking Machine Semakan audit pada baki mesin franking dan buku daftar adalah sama iaitu mesin berbaki RM 10,864.93 (sehingga 24/6/2025)</p>	PCN	Makluman																																			
3	<p>Stor Unit Alat Tulis (PCN) a) Pemeriksaan baki stok Semakan ke atas sampel stok alat tulis dan barang kebersihan di stor unit ini mendapati baki fizikal dan baki dalam sistem adalah sama. Stok yang disemak adalah seperti di bawah:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Bil</th> <th style="text-align: center;">Perihal Barang</th> <th style="text-align: center;">Kod Lokasi</th> <th style="text-align: center;">Baki Dalam e-Stor</th> <th style="text-align: center;">Baki Fizikal</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Kertas A4</td> <td>101-001-030-001</td> <td style="text-align: center;">10</td> <td style="text-align: center;">10</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Bendera Malaysia (2x4)</td> <td>101-010-001-003</td> <td style="text-align: center;">50</td> <td style="text-align: center;">50</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3</td> <td>Bendera Negeri Sembilan (3x6)</td> <td>101-010-001-019</td> <td style="text-align: center;">3</td> <td style="text-align: center;">3</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">4</td> <td>Air Freshner Spray</td> <td>102-007-008-003</td> <td style="text-align: center;">17</td> <td style="text-align: center;">17</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">5</td> <td>Air Freshner Refill 250ml</td> <td>102-007-008-013</td> <td style="text-align: center;">20</td> <td style="text-align: center;">20</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">6</td> <td>Cawan Plastik/ Kertas</td> <td>102-002-001-001</td> <td style="text-align: center;">22</td> <td style="text-align: center;">22</td> </tr> </tbody> </table> <p>b) Pelabelan stok Stok disusun dengan teratur dan di labelkan.</p>	Bil	Perihal Barang	Kod Lokasi	Baki Dalam e-Stor	Baki Fizikal	1	Kertas A4	101-001-030-001	10	10	2	Bendera Malaysia (2x4)	101-010-001-003	50	50	3	Bendera Negeri Sembilan (3x6)	101-010-001-019	3	3	4	Air Freshner Spray	102-007-008-003	17	17	5	Air Freshner Refill 250ml	102-007-008-013	20	20	6	Cawan Plastik/ Kertas	102-002-001-001	22	22	PCN	<p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p>
Bil	Perihal Barang	Kod Lokasi	Baki Dalam e-Stor	Baki Fizikal																																		
1	Kertas A4	101-001-030-001	10	10																																		
2	Bendera Malaysia (2x4)	101-010-001-003	50	50																																		
3	Bendera Negeri Sembilan (3x6)	101-010-001-019	3	3																																		
4	Air Freshner Spray	102-007-008-003	17	17																																		
5	Air Freshner Refill 250ml	102-007-008-013	20	20																																		
6	Cawan Plastik/ Kertas	102-002-001-001	22	22																																		

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 & AP 309 BIL. 1/2025
23 JUN 2025 - 24 JUN 2025**

<p>c) Pengiraan stok Semakan mendapati pengiraan stok tidak di buat oleh pegawai stor di dalam melalui sistem e-Stor. Merujuk kepada pekeliling AM 6.1 pengiraan stok perlu dilaksanakan oleh pegawai stor yang dilantik.</p> <p>d) Buku Log Kenderaan, Daftar Rekod Touch n Go dan Rekod Pergerakan Kad Minyak - NDQ 7336 (Proton X50) Buku log kenderaan telah dikemaskini dengan teratur. Daftar rekod Touch nGo dan pergerakan kad minyak juga telah catatkan. Walaubagaimanapun tindakan perlu diambil bagi penemuan berikut:</p> <p>i) Ruangan tandatangan pengguna bagi tarikh 16, 19 dan 20 Jun 2025 tidak diisi.</p>		<p>Pegawai stor jabatan telah melaksanakan pengiraan stok dalam Sistem e-Stor.</p> <p>Pengemaskinian telah dibuat seperti di Salinan seraian buku log no siri 60486.</p> <p>STATUS : SELESAI</p>
--	--	---



FRANKING MACHINE



STOR UNIT ALAT TULIS (PCN)



BUKU LOG – NDQ 7336



**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 & AP 309 BIL. 1/2025
23 JUN 2025 - 24 JUN 2025**

BIL	PENEMUAN	TINDAKAN	MAKLUMBALAS																																													
JABATAN PENYELENGGARAAN																																																
1	<p>Buku Pemeriksaan AP 308 Semakan Buku Pemeriksaan AP 308 di Jabatan Penyelenggaraan (HQ) mendapati pemeriksaan telah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan pada 11/6/2025. Pemeriksaan dilaksanakan ke atas buku log kenderaan, buku inden minyak dan buku touch n go.</p> <p>Audit mengesyorkan skop pemeriksaan boleh ditambah baik dengan menambah skop pemeriksaan mengejut ke atas stor -stor unit di bawah JP dan pemeriksaan ke atas aset-aset berharga di jabatan.</p>	JP (HQ)	<p>Jabatan mengambil maklum berhubung perkara tersebut.</p> <p style="text-align: center;">STATUS : SELESAI</p>																																													
2	<p>Stor Unit Sivil - Cawangan Nilai</p> <p>a) Pemeriksaan baki stok Pengiraan stok di buat ke atas beberapa sampel stok dan di bandingkan dengan baki kad stok di dalam sistem estor. Hasil semakan mendapati terdapat perbezaan baki stok fizikal dengan baki yang terdapat di dalam sistem estor bagi sampel stok dibawah.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Bil</th> <th style="text-align: center;">Perihal Barang</th> <th style="text-align: center;">Kod Lokasi</th> <th style="text-align: center;">Baki Dalam e-Stor</th> <th style="text-align: center;">Baki Fizikal</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Anti Stick Coating</td> <td style="text-align: center;">105-002-016-001</td> <td style="text-align: center;">28</td> <td style="text-align: center;">28</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Cat Hitam</td> <td style="text-align: center;">105-004-010-001</td> <td style="text-align: center;">17</td> <td style="text-align: center;">14</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3</td> <td>Cat Putih (Road Marking / Road Kerb)</td> <td style="text-align: center;">105-004-010-005</td> <td style="text-align: center;">118</td> <td style="text-align: center;">91</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">4</td> <td>Cat Kuning (Road Marking /Road Kerb)</td> <td style="text-align: center;">105-004-010-006</td> <td style="text-align: center;">78</td> <td style="text-align: center;">57</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">5</td> <td>Kanvas</td> <td style="text-align: center;">105-004-043-001</td> <td style="text-align: center;">6</td> <td style="text-align: center;">5</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">6</td> <td>Pita Keselamatan</td> <td style="text-align: center;">105-005-039-002</td> <td style="text-align: center;">66</td> <td style="text-align: center;">57</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">7</td> <td>Skop Leper (Pemegang Besi)</td> <td style="text-align: center;">110-001-004-008</td> <td style="text-align: center;">21</td> <td style="text-align: center;">17</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">8</td> <td>Cangkul Longkang</td> <td style="text-align: center;">110-001-006-004</td> <td style="text-align: center;">6</td> <td style="text-align: center;">6</td> </tr> </tbody> </table> <p>Mohon semakan dan tindakan selanjutnya bagi memastikan semua stok yang terdapat dalam stor ini mempunyai baki fizikal yang sama dengan baki dalam sistem.</p>	Bil	Perihal Barang	Kod Lokasi	Baki Dalam e-Stor	Baki Fizikal	1	Anti Stick Coating	105-002-016-001	28	28	2	Cat Hitam	105-004-010-001	17	14	3	Cat Putih (Road Marking / Road Kerb)	105-004-010-005	118	91	4	Cat Kuning (Road Marking /Road Kerb)	105-004-010-006	78	57	5	Kanvas	105-004-043-001	6	5	6	Pita Keselamatan	105-005-039-002	66	57	7	Skop Leper (Pemegang Besi)	110-001-004-008	21	17	8	Cangkul Longkang	110-001-006-004	6	6	JP Seksyen Kejuruteraan (Nilai)	<p>Pemeriksaan baki stok sedang dijalankan dan dikemaskini bagi memastikan baki stok semasa sama dengan baki dalam sistem e-stor.</p>
Bil	Perihal Barang	Kod Lokasi	Baki Dalam e-Stor	Baki Fizikal																																												
1	Anti Stick Coating	105-002-016-001	28	28																																												
2	Cat Hitam	105-004-010-001	17	14																																												
3	Cat Putih (Road Marking / Road Kerb)	105-004-010-005	118	91																																												
4	Cat Kuning (Road Marking /Road Kerb)	105-004-010-006	78	57																																												
5	Kanvas	105-004-043-001	6	5																																												
6	Pita Keselamatan	105-005-039-002	66	57																																												
7	Skop Leper (Pemegang Besi)	110-001-004-008	21	17																																												
8	Cangkul Longkang	110-001-006-004	6	6																																												

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**



**PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 & AP 309 BIL. 1/2025
23 JUN 2025 - 24 JUN 2025**

<p>Stor Unit Sivil – Cawangan Nilai</p> <p>b) Pelabelan Stok disusun dengan teratur dan di labelkan.</p> <p>c) Pengiraan Stok Semakan mendapati pengiraan stok tidak di buat oleh pegawai stor di dalam melalui sistem estor. Merujuk kepada pekeliling AM 6.1 pengiraan stok perlu dilaksanakan oleh pegawai stor yang dilantik.</p> <p>d) Pengeluaran Stok Semakan ke atas sistem mendapati tiada sebarang rekod pengeluaran stok dilaksanakan oleh stor ini didalam sistem estor mulai bulan Julai 2024 sehingga tarikh pengauditan.</p> <p>Ini dapat dilihat dalam laporan penerimaan dan pengeluaran stok seperti dilampiran.</p> <p>Mohon penjelasan berkaitan perkara ini.</p>	<p>JP Seksyen Kejuruteraan (Nilai)</p>	<p style="text-align: right;">Makluman</p> <p>Pengiraan stok akan dijalankan dari semasa ke semasa.</p> <p>JPSK Caw. Nilai dalam proses membuat permohonan kepada JTM & Perolehan JKP bagi memberi kebenaran kepada 2 orang Pembantu Kemahiran untuk mendapat akses memohon pengeluaran barang dalam stor, kerana 2 orang Pembantu Kemahiran ini yang bertanggungjawab ke atas stok dan peralatan team penyelenggaraan jalan.</p> <p style="text-align: right;">STATUS: SELESAI</p>
--	---	--

BIL	PENEMUAN	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
JABATAN TAMAN DAN LANDSKAP			
1	<p>Buku Pemeriksaan AP 308 Semakan Buku Pemeriksaan AP 308 di Jabatan Taman Dan Landskap mendapati pemeriksaan telah dilaksanakan oleh ketua jabatan pada 11/6/2025. Pemeriksaan dilaksanakan ke atas buku log kenderaan, buku touch n go, kabinet besi dan mesin fotostat.</p> <p>Audit mengesyorkan skop pemeriksaan boleh ditambah baik dengan menambah skop pemeriksaan mengejut ke atas stor utama dan stor unit di bawah JTL dan pemeriksaan ke atas aset-aset berharga di jabatan.</p>	JTL	<p>JTL telah menambahbaik skop pemeriksaan mengejut ke atas aset-aset dan peralatan kerja di stor Utama Paroi dan Nuseri Mantin.</p> <p style="text-align: right;">STATUS : SELESAI</p>

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 & AP 309 BIL. 1/2025
23 JUN 2025 - 24 JUN 2025**

JUMLAH BAYARAN 51 AKAUN BERDASARKAN KADAR TARIF LAMA (TAHUN 2024) (RM)	ANGGARAN JUMLAH BAYARAN 51 AKAUN BERDASARKAN KADAR TARIF BARU (BERDASARKAN JENIS LAMPU DAN PENGGUNAAN) (RM)	PERBEZAAN JUMLAH BAYARAN BAGI 51 AKAUN (BAGI TEMPOH 1 TAHUN) (RM)
148,744.25	67,731.88	77,012.36

pengiraan berdasarkan tarif sebelum 1 Julai 2025

Kadar Tarif Elektrik Mulai 1 Julai 2025 :

-  Bil lampu jalan ini **tidak lagi guna satu kadar flat.**
-  Mulai 1 Julai 2025, TNB guna **“Unbundled Tariff”**
-  Bil dipecahkan kepada beberapa komponen seperti di bawah:

Komponen	Tanpa Senggaraan	Termasuk Senggaraan	Perdagangan / Bukan Domestik Am Voltan Rendah
Tenaga	RM0.2703	RM0.2703	RM0.2703
Kapasiti	RM0.0244	RM0.0244	RM0.0883
Caj Rangkaian	RM0.1069	RM0.1425	RM0.1482
Caj Peruncitan	RM5.00	RM5.00	RM20.00

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

PENGAUDITAN PRESTASI DAN PENGURUSAN CUKAI TAKSIRAN

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
<p>Pengauditan ini dijalankan sebagai persediaan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) bagi menghadapi Pengauditan Pengurusan Cukai Taksiran yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara.</p> <p>Analisis terhadap teguran Jabatan Audit Negara di beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain telah dijadikan sebagai rujukan dan asas penambahbaikan bagi memastikan isu yang sama tidak berulang di Majlis Bandaraya Seremban.</p> <p>Isu yang masih belum selesai dan perlu diambil tindakan jabatan memandangkan ianya melibatkan hasil kepada Majlis adalah seperti di bawah.</p>		
1.	<p>Kadar cukai tidak dikenakan mengikut status sebenar guna bangunan berkenaan samaada kediaman, perniagaan atau industri.</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Contoh penemuan tadika, penginapan di kawasan perumahan di caj pada kadar perumahan bukan perniagaan ➤ Jenis pegangan perdagangan / perindustrian direkodkan sebagai kediaman 	<p>Tindakan telah diambil dengan membuat pindaan kadar berkuatkuasa 1/1/2026 bagi tadika yang beroperasi di taman perumahan dengan menggunakan kadar guna bangunan berkenaan.</p> <p>Jumlah kenaikan cukai setahun selepas pindaan kadar mulai 1/1/2026 adalah sebanyak RM 46,824.50 yang melibatkan 129 pegangan.</p> <p>Ringkasan adalah seperti jadual di bawah.</p> <p style="text-align: right;">STATUS : SELESAI</p>

Ringkasan jumlah cukai setahun sebelum dan selepas pindaan kadar pada 1/1/2026

Bil Pegangan Tadika	Jumlah Cukai Setahun (RM)		Jumlah Kenaikan Cukai Setahun (RM)
	Sebelum Pindaan Kadar	Selepas Pindaan Kadar	
129	46,716.90	93,541.40	46,824.50

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PENGAUDITAN PENGURUSAN PROJEK
19 FEBRUARI 2025 – APRIL 2025**

Objektif pengauditan:

Pengauditan Pengurusan Projek telah dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif bagi memperkukuh tadbir urus serta meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan projek dalam organisasi. Audit ini bertujuan menilai sejauh mana projek-projek yang dilaksanakan mematuhi dasar, garis panduan dan prosedur yang ditetapkan, di samping mengenal pasti kekuatan serta kelemahan dalam aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan kawalan projek.

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan mendapati terdapat beberapa amalan baik yang boleh dicontohi, di samping beberapa isu dan ruang penambahbaikan yang perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan. Penemuan ini diharapkan dapat membantu organisasi dalam memperkukuh sistem pengurusan projek serta memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan secara optimum.

Memandangkan dapatan pengauditan ini adalah komprehensif dan melibatkan perincian yang meluas, laporan penuh Pengauditan Pengurusan Projek telah diasingkan dan diterbitkan sebagai laporan khas dalam Laporan Tahunan Audit Edisi 2 (Terhad). Pengasingan ini bertujuan memberikan fokus yang lebih mendalam terhadap analisis dapatan, implikasi serta syor penambahbaikan yang dikemukakan. Sehubungan itu, laporan dalam Edisi 1 ini menyediakan gambaran keseluruhan dan sorotan utama pengauditan, manakala perincian lanjut boleh dirujuk dalam Laporan Pengauditan Pengurusan Projek (Edisi 2).

Adalah diharapkan agar dapatan dan syor yang dikemukakan melalui pengauditan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak berkepentingan dalam usaha mempertingkatkan kecekapan, akauntabiliti dan keberkesanan pengurusan projek pada masa hadapan.



**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PENGAUDITAN PENGURUSAN PROJEK
19 FEBRUARI 2025 – APRIL 2025**

SENARAI PROJEK YANG DIAUDIT:

JABATAN	BIL.	TAJUK PROJEK
Jabatan Taman dan Landskap	1.	Kerja Menaiktaraf Padang Permainan Di Taman Seremban Jaya Fasa 5 Serta Kerja-Kerja Berkaitan MBS
	2.	Cadangan Kerja Membina Dan Menyiapkan Gelanggang Futsal Di Kawasan Padang Permainan Taman Sri Ramai Kuala Sawah Rantau
	3.	Kerja Menaiktaraf Taman Permainan Berhadapan Masjid Taman Tuanku Jaafar Serta Kerja Berkaitan Di MBS
	4.	Kerja Penyelenggaraan Pembersihan Dan Landskap Taman Awam Rasah Kemayan
	5.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Taman Permainan Rasah Kemayan Fasa 3 Serta Kerja Berkaitan Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Seremban
	6.	Menaiktaraf Landskap Di Taman Kejiranan Desa Anggerik Serta Kerja-Kerja Berkaitan
	7.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Peralatan Permainan Kanak-Kanak Taman Desaria Nilai
	8.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Peralatan Permainan Kanak-Kanak Di Taman Desa Cempaka Fasa 3 Nilai
	9.	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Dataran Nilai Untuk Tempoh 24 Bulan
	10.	Membina Dataran Mantin Di Hadapan SJKCCJ Chung Hwa
	11.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landksap Bagi Tempoh 24 Bulan Di Taman Awam Nilai
	12.	Kerja-Kerja Membina Laluan Pejalan Kaki Di Sekitar Bulatan Istana & Laluan Berkaitan Di Daerah Seremban
	13.	Kerja-Kerja Pembersihan Kolam Tasik Fasa 1 Dan Kolam Tasik Fasa 2 Di Taman Tasik Seremban Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Seremban
	14.	Pembinaan Laluan Pejalan Kaki Bagi Tujuan Rekreasi Di Pekan Mantin, Majlis Bandaraya Seremban
	15.	Kerja-Kerja Membina Gelanggang Futsal Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, Di Taman Desa Kolej, Putra Nilai, Mukim Bandar Nilai Utama, Kawasan Majlis Bandaraya Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus
Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pembangunan	1.	Membekal Dan Memasang Kerusi Penonton Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Stadium Tunku Abdul Rahman, Paroi
	2.	Menaik Taraf Sistem Saliran Dan Penambahbaikan Sistem Siraman Di Padang Stadium Tunku Abdul Rahman, Paroi
Jabatan Kejuruteraan	1.	Cadangan Tambahan Dan Ubahsuai Jabatan Penyelenggaraan Dan Jabatan Kesihatan Serta Kerja Berkaitan Di Wisma MBS
	2.	Kerja Membina Pusat Komuniti Serta Kerja Berkaitan Di Taman Sri Pulau

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PENGAUDITAN PENGURUSAN PROJEK
19 FEBRUARI 2025 – APRIL 2025**

	3	Kerja Membaikpulih Cerun Jalan Dan Kerja Berkaitan Di Jalan Bukit Berlian Seremban
	4.	Menyelenggara Garisan Jalan Disendayan Techvalley Seremban
	5.	Pembinaan Kompleks Komuniti Ampangan Negeri Sembilan
	6.	Kerja-Kerja Membaikpulih Penutup Longkang Serta Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Utama Taman Pinggiran Bayu Mantin
	7.	Kerja-Kerja Membina, Membekal Dan Memasang Kiosk Di Bandar Tasik Senangin
	8.	Kerja-Kerja Membina, Membekal Dan Memasang Kiosk Di Bandar Baru Nilai
	9.	Kerja-Kerja Membina, Membekal Dan Memasang Kiosk Di Bandar Kota Seriemas
	10.	Kerja-Kerja Membina, Membekal Dan Memasang Kiosk Di Pekan Mantin
	11.	Kerja-Kerja Membina, Membekal Dan Memasang Kiosk Di Pekan Labu
	12.	Kerja-Kerja Membina, Membekal Dan Memasang Kiosk Di Pekan Rantau
	13.	Kerja-Kerja Membina Pusat Komuniti Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Taman Kemuning
	14.	Kerja-Kerja Membina Setor & Gudang Simpanan Serta Yg Berkaitan Di Setor Juup Kawasan Industri Galla
	15.	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Limbah Stadium Paroi, Majlis Bandaraya Seremban
	16.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Lampu HPSV Kepada Lampu Led Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Taman Warisan Puteri, Majlis Bandaraya Seremban
	17.	Menurap Semula Jalan Serta Kerja Yang Berkaitan Di Taman AST, Seremban
	18.	Cadangan Membina Bilik Pemandu Dan Stor Unit Letak Kereta Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Wisma Majlis Bandaraya Seremban
	19.	Cadangan Ubah Suai Bilik Registri Di Majlis Bandaraya Seremban
Jabatan Penyelenggaraan (Seksyen Kejuruteraan)	1.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Elektrik Untuk Bangunan, Dewan Orang Ramai, Premis, Stadium, Kompleks, Pondok, Kiosk Serta Kerja Berkaitan Milik MBS
	2.	Kerja Penyelenggaraan Perabot Jalan Serta Kerja Berkaitan Di Dalam Kawasan Pentadbiran MBS Cawangan Nilai
	3.	Kerja Penyelenggaraan Longkang Kawasan Nilai Bagi MBS Bagi Tempoh 12 Bulan
	4.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Fasiliti Sukan Di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Kompleks Sukan Negeri Dan Kolam Renang Awam, Paroi Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan
	5.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Taman Sri Mawar

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PENGAUDITAN PENGURUSAN PROJEK
19 FEBRUARI 2025 – APRIL 2025**


	6.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Taman Jasmin
	7.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Garisan Jalan Di Kawasan BP 1 Bagi Majlis Bandaraya Seremban
	8.	Kerja-Kerja Penampalan Jalan (Patching Potholes) Menggunakan Teknologi Jetpatchers Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan – Jalan Bawah Majlis Bandaraya Seremban – Tender
	9.	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Serta Kerja Berkaitan Milik Majlis Bandaraya Seremban, Negeri Sembilan Bagi BP3, BP4 DAN BP5
Jabatan Penyelenggaraan (Seksyen Landskap)	1.	Kerja Penyelenggaraan Pokok Utama Berkaitan Blok Pembangunan Fasa 1 Untuk Tempoh 2 Tahun (24 Bulan)
	2.	Kerja Penyelenggaraan Pokok Utama Dan Kerja Berkaitan Bagi Blok Pembangunan Nilai Bp 6 Dan 7 Bagi Tempoh 24 Bulan
	3.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Jalan Dikeseluruhan Bbn Termasuk Pejabat Caw Nilai Bagi Tempoh 24 Bulan
	4.	Kerja Pembersihan Kawasan Dan Penyelenggaraan Landskap Bagi Tempoh 2 Tahun Dijalan Mutiara, Jalan Mekanikal, Jalan Permata Dan Keseluruhan Kawasan Industri Nilai
	5.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Pokok Berisiko Dan Kerja Berkaitan Di Istana Hinggap
	6.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Pokok Berisiko & Kerja-Kerja Berkaitan Di Rizab Jalan Antara Lot 15129 & Lot 29167, Kampung Panchor
	7.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Pokok Berisiko Di Rasah Kemayan Fasa 3 Seremban
	8.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Pokok Berisiko Di RJ 2/18, Rasah Jaya, Seremban
	9.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Pokok Utama (Tebing Jalan Dalam Taman Bukit Emas Bersebelahan Jpj Seremban) Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jln Bukit Emas 1 & Jln Bukit Emas 4, Taman Bukit Emas
Jabatan Penyelenggaraan (Seksyen Pembersihan)	1.	Kerja-Kerja Pembersihan Awam Di Gerai (Kompleks Penjaja Jalan Lee Sam, Medan Selera Taman Sri Mawar Dan Medan Selera 1 Senawang) Milik Majlis Bandaraya Seremban
Jabatan Kesihatan	1.	Menaiktaraf Perangkap Minyak Di Premis Makanan Di Kawasan MBS

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
	<p>Seksyen 72, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengendali dan mengurus tempat letak kereta di kawasan pentadbirannya dengan syarat hendaklah sesuatu perintah dikeluarkan dan disiarkan dalam warta.</p> <p>Sehubungan itu, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) melalui Unit Letak Kereta bertanggungjawab mengurus pengoperasian dan pengurusan petak letak kereta di seluruh kawasan pentadbiran MBS yang merangkumi Bandar Seremban dan Nilai.</p> <p>Pengauditan pengurusan tempat letak kereta ini dilaksanakan dengan objektif untuk menilai tahap keberkesanan dan kecekapan pengurusan sistem parkir, memastikan kutipan bayaran tempat letak kereta direkod, dikawal dan diurus dengan teratur, serta mengenal pasti sebarang kelemahan kawalan dalaman, ketirisan hasil atau ketidakpatuhan terhadap prosedur kewangan dan peraturan pengurusan parkir yang ditetapkan.</p> <p>Beberapa penemuan yang perlu diambil tindakan penambahbaikan adalah seperti di bawah:</p>	
1.	<p><u>Kontrak/ Perjanjian</u></p> <p>1.1) Klausu 5 – Obligasi Syarikat</p> <p>a) Insurans</p> <p>Semakan UAD mendapati tiada sebarang bukti polisi insurans dikemukakan kepada Majlis bagi kontrak yang melibatkan Syarikat Oval Success Sdn Bhd.</p> <p>Manakala insurans yang dikemukakan oleh Suasa Efektif Sdn Bhd adalah bagi tempoh 1/1/2021- 31/12/2021. Polisi insurans yang telah diperbaharui tidak dikemukakan kepada Majlis.</p> <p><i>Syor Audit:</i> ULK perlu memastikan syarikat mengemukakan polisi insurans ke Majlis seperti yang dinyatakan dalam perjanjian. Serta memastikan insuran yang dikemukakan adalah meliputi kawasan yang dinyatakan dalam perjanjian.</p>	<p>Polisi insuran bagi Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. bagi tempoh 24/02/2025 hingga 23/02/2026 dan</p> <p>Polisi insuran bagi Syarikat Oval Success Sdn. Bhd. bagi tempoh 19/06/2025 hingga 18/06/2026 telah disediakan.</p> <p style="text-align: right;">TINDAKAN: SELESAI</p>

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
	<p>b) Sistem Pembayaran Tempat Letak Kereta dan Penguatkuasaan</p> <p>Syarikat hendaklah memastikan sistem pembayaran tempat letak kereta, peranti yang digunakan wajib ditimbang sukat mengikut peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa dan menyerahkan sijil penentusahan yang diakui sah kepada Majlis dalam tempoh 14 hari dari tarikh siap timbang sukat dibuat.</p> <p>Semakan UAD tidak menemui sebarang bukti sijil penentusahan dari Syarikat.</p> <p><i>Syor Audit:</i> ULK perlu memastikan Syarikat melaksanakan proses timbang sukat yang ditetapkan dalam terma perjanjian dan menyerahkan bukti sijil kepada Majlis</p>  <p>Peranti Yang Digunakan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk makluman, kaedah bayaran yang digunakan selama ini adalah menggunakan aplikasi telefon pintar yang menggunakan waktu dunia “real time”. • Aplikasi yang dibangunkan untuk bayaran parking biasanya tidak perlu ditimbang sukat kerana ia tidak melibatkan aktiviti penjualan barang fizikal yang perlu diukur dari segi berat atau kuantiti. • Pembayaran parkir terdahulu perlu ditimbang sukat kerana menggunakan duit syiling. <p style="text-align: right;">STATUS: SELESAI</p>

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS										
	<p>c) Tempoh Perjanjian Merujuk kepada SST dan perjanjian yang dikeluarkan kepada Syarikat Oval Success Sdn Bhd, audit mendapati terdapat perbezaan tempoh kontrak yang dinyatakan dalam SST dan Perjanjian seperti yang dinyatakan dibawah:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Tempoh Kontrak Dalam SST</th> <th style="text-align: center;">Tempoh Kontrak Dalam Perjanjian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">01/10/2021 – 31/12/2029</td> <td style="text-align: center;">01/10/2021 – 31/12/2028</td> </tr> </tbody> </table> <p>Mohon semakan dan tindakan pembedahan.</p> <p>Semakan ke atas SST dan perjanjian bagi Syarikat Oval Success Sdn Bhd, audit mendapati tempoh kontrak yang dinyatakan dalam SST dan perjanjian adalah tidak tepat. Ianya seperti yang dinyatakan dibawah:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Tempoh Kontrak Dalam SST</th> <th style="text-align: center;">Tempoh Kontrak Dalam Perjanjian</th> <th style="text-align: center;">Tempoh Kontrak (Berdasarkan semakan audit)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">01/01/2019 – 31/12/2029 (10 Tahun)</td> <td style="text-align: center;">01/01/2019-31/12/2029 (10 Tahun)</td> <td style="text-align: center;">11 Tahun</td> </tr> </tbody> </table> <p>Mohon semakan dan tindakan pembedahan.</p>	Tempoh Kontrak Dalam SST	Tempoh Kontrak Dalam Perjanjian	01/10/2021 – 31/12/2029	01/10/2021 – 31/12/2028	Tempoh Kontrak Dalam SST	Tempoh Kontrak Dalam Perjanjian	Tempoh Kontrak (Berdasarkan semakan audit)	01/01/2019 – 31/12/2029 (10 Tahun)	01/01/2019-31/12/2029 (10 Tahun)	11 Tahun	<p>Tempoh perjanjian kontrak antara pentadbiran Majlis dan Syarikat Oval Success Sdn. Bhd. adalah selama 10 tahun iaitu 01/10/2021 – 31/12/2028.</p> <p>ULK telah menghantar surat pada Syarikat Oval Success Sdn Bhd pindaan klausa tempoh perjanjian pada 28 Ogos 2025.</p> <p style="text-align: right;">STATUS : SELESAI</p>
Tempoh Kontrak Dalam SST	Tempoh Kontrak Dalam Perjanjian											
01/10/2021 – 31/12/2029	01/10/2021 – 31/12/2028											
Tempoh Kontrak Dalam SST	Tempoh Kontrak Dalam Perjanjian	Tempoh Kontrak (Berdasarkan semakan audit)										
01/01/2019 – 31/12/2029 (10 Tahun)	01/01/2019-31/12/2029 (10 Tahun)	11 Tahun										
2.	<p><u>Meterai Perjanjian (Stamping)</u> Berdasarkan semakan, bagi perjanjian perkhidmatan pengurusan tempat letak kereta mendapati, perjanjian lewat di sempurnakan iaitu melebihi tempoh 4 bulan. Mohon penjelasan jabatan. Ianya seperti jadual dibawah:</p>	<p>Kelewatan meterai perjanjian (<i>stamping</i>) ini adalah disebabkan proses penyediaan dokumen semakan dan pembedahan antara ULK, Unit Perundangan dan syarikat untuk mendapat persetujuan/persefahaman dalam kandungan dokumen kontrak.</p> <p style="text-align: right;">STATUS: SELESAI</p>										

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
------	----------	-------------

Syarikat Oval Success Sdn Bhd

Bil	Tarikh SST	Tempoh Kontrak	Tarikh Perjanjian Disempurnakan (Dimaterai)	Tempoh Kelewatan
1.	9/11/2018	1/1/2019 – 31/12/2029	5/11/2019	8 Bulan
2.	23/8/2021	1/10/2021 – 31/12/2029	12/6/2024	30 Bulan

Suasa Efektif (M) Sdn Bhd

Bil	Tarikh SST	Tempoh Kontrak	Tarikh Perjanjian Disempurnakan (Dimaterai)	Tempoh Kelewatan
1.	26/7/2021	1/1/2022- 31/12/2026	27/8/2023	21 Bulan
2.	27/2/2024	1/5/2024 – 30/4/2029	27/11/2024	5 Bulan

3.	<p><u>Bon Pelaksanaan</u></p> <p>Merujuk kepada PK 4.2, perkara 9.23.8 (b) bon pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi semua kontrak bermasa dan one-off yang bernilai melebihi RM 200,000.00. Bagi kontrak bekalan / perkhidmatan yang bernilai melebihi RM 500,000.00 nilai bon adalah 5% daripada jumlah harga kontrak (setahun).</p> <p>Merujuk kepada bon yang dikenakan bagi dua (2) syarikat tersebut, audit mendapati nilai bon yang dituntut adalah melebihi dari nilai yang dinyatakan dalam pekeliling. Ianya seperti jadual dibawah:</p>	<ul style="list-style-type: none"> Semasa mesyuarat penyediaan spesifikasi dokumen tender pengurusan letak kereta pada tahun 2016 dahulu, mesyuarat memutuskan suapaya tender ini tidak mengikut pekeliling yang ditetapkan bagi pelaksanaan bon. Keputusan ini dibuat supaya dapat melindungi kepentingan Majlis jika syarikat tidak mampu untuk membayar sewa tempat letak kereta kepada Majlis. Gandaan secara 3 kali nilai sewa pada masa itu di kira memadai berbanding dengan kadar 5% daripada jumlah harga kontrak setahun. <p style="text-align: right;">STATUS: SELESAI</p>
-----------	--	---

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
------	----------	-------------

Syarikat Oval Success Sdn Bhd

Bil	Tempoh Kontrak	Nilai Kontrak	Nilai Bon Dituntut	Nilai Bon Sepatut Dituntut
1.	1/1/2019 – 31/12/2029	RM 171,243.00 (sebulan)	RM 513,729.00	RM 102,745.80 (RM 2,054,916.00 X 5%)
		RM 2,054,916.00 (setahun)		Terlebih Tuntut Bon RM 410,983.20
		Tarikh Bon 09/1/2019 – RM 513,729.00 Tempoh bon 17/9/2024 - 16/09/2025 (Jaminan Bank No 589235 Maybank)		
2.	1/10/2021 – 31/12/2029	RM 30,022.00 (sebulan)	RM 90,066.00	RM 18,013.20 (RM360,264.00 X 5%)
		RM 360,264.00 (setahun)		Terlebih Tuntut Bon RM 72,052.80
		Tarikh Bon 21/04/2025 – RM 90,066.00 Tempoh bon 17/4/2025 – 31/12/2029 (Jaminan Bank No 592980 Maybank)		

Suasa Efektif (M) SdnBhd

Bil	Tempoh Kontrak	Nilai Kontrak	Nilai Bon Dituntut	Nilai Bon Sepatut Dituntut
1.	1/1/2022 – 31/12/2026	RM 95,472.00 (sebulan)	RM 286,416.00	RM 57,283.20 (RM 1,145,664.00 X 5%)
		RM 1,145,664.00 (setahun)		Terlebih Tuntut Bon RM 229,132.80
		Tarikh Bon 20/8/2021 – RM 286,416.00 Tempoh bon sehingga 31/12/2026 (Jaminan Bank No 06702212320011 Affin Bank)		
2.	1/5/2024 – 30/4/2029	RM 120,808.00 (sebulan)	RM 362,424.00	RM 72,484.80 (RM 1,449,696.00 X 5%)
		RM 1,449,696.00 (setahun)		Terlebih Tuntut Bon RM 289,939.20
		Tarikh Bon 22/3/2024 – RM 362,424.00 Tempoh bon sehingga 30/4/2029 (Jaminan Bank No 06702240780004 Affin Bank)		







MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
4.	<p><u>Penyelenggaraan Tempat Letak Kereta (Papan Tanda)</u></p> <p>Syarikat hendaklah menanggung kos-kos berkaitan penyelenggaraan tempat letak kereta di antaranya :-</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Menyediakan, memasang, menyelenggara dan mengurus infrastruktur kemudahan letak kereta di seluruh kawasan yang telah ditetapkan seperti garisan petak (thermoplastic) dan papan papan tanda. <p>Semakan UAD di pejabat operasi syarikat Oval & Suasas mendapati penyelenggaraan ada dilaksanakan.</p> <p>Berdasarkan temu bual dengan pegawai Syarikat Oval, penyelenggaraan hanya dibuat berdasarkan aduan yang diterima sama ada daripada Pembantu Operasi dan orang awam. Walaubagaimanapun, daftar atau rekod kekerapan penyelenggaraan yang dilaksanakan terhadap sesuatu kawasan tempat letak kereta tidak diselenggara dengan baik dan teratur.</p> <p>Syor Audit: ULK perlu memastikan Syarikat membuat penyelenggaraan dan menyediakan rekod dengan teratur serta memastikan garisan petak-petak letak kereta adalah jelas, terang dan boleh dilihat</p> <p>Lawatan tapak UAD ke beberapa lokasi tempat letak kereta mendapati garisan petak-petak sudah tidak jelas, pudar dan ada juga yang tidak kelihatan garisannya.</p>	<p>Kerja – kerja mencetak semula petak letak kereta telah dilaksanakan oleh kedua-dua syarikat dan laporan telah dikemukakan ke ULK.</p> <p style="text-align: right;">STATUS :SELESAI</p>

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
	Garisan Petak Parking Yang Pudar	
	 <p align="center">KEMAYAN SQUARE</p>	 <p align="center">JALAN BELAKANG, TNB SEREMBAN</p>
	 <p align="center">KAWASAN PERNIAGAAN OAKLAND</p>	 <p align="center">OAKLAND</p>
	 <p align="center">JALAN TUANKU ANTAH</p>	 <p align="center">JALAN RASAH</p>
	<p>Syor Audit: ULK perlu membuat pemantauan berkala ke tempat letak kereta dan memastikan Syarikat bertanggungjawab membuat penyelenggaraan / mengecat garisan yang pudar dan menyediakan rekod penyelenggaraan garisan-garisan petak.</p>	


MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
5.1	<p><u>Pengurusan Pewartaan Kawasan Tempat Letak Kereta</u></p> <p>Kawasan Telah Diwarta Tidak Dikuatkuasakan</p> <p>Sehingga bulan Julai 2025, MBS mempunyai 85 kawasan tempat letak kereta di Seremban dan 16 kawasan di Nilai yang diwartakan. Berdasarkan pengurusan Unit Letak Kereta MBS, mana-mana kawasan yang diwartakan perlu melalui Mesyuarat Majlis Penuh MBS untuk dikuatkuasakan. Hanya kawasan tempat letak kereta yang telah dikuatkuasakan boleh melaksanakan peraturan yang ditetapkan termasuk mengutip caj tempat letak kereta yang telah diwartakan.</p> <p>Berdasarkan rekod ULK, Audit juga mendapati terdapat beberapa kawasan yang dikategorikan sebagai bukan kawasan kutipan(BKK)</p> <p>Lawatan Audit telah dijalankan pada 18 Ogos dan 19 Ogos 2025 melibatkan 8 kawasan OVAL, 13 kawasan SUASA dan 9 bukan kawasan kutipan (BKK) tempat letak kereta (petak khas). Bagi 9 bukan kawasan kutipan(BKK) itu merupakan kawasan yang telah dimasukkan dalam warta tetapi tidak dikuatkuasakan.</p> <p>Gambar di bawah menunjukkan kawasan ini merupakan tempat tumpuan penduduk untuk menjalankan aktiviti harian. Namun begitu, caj tempat letak kereta tidak dikenakan kerana kawasan yang diwarta ini tidak dikuatkuasakan.</p>	<p>ULK telah mengangkat Kertas Cadangan untuk mengenakan Caj Bayaran Tempat Letak bagi kawasan yang belum dilaksanakan pengoperasian caj bayaran parkir di Mesyuarat Majlis Penuh MBS Bil 1/2026 pada 28 Januari 2026.</p> <p>Lanjutan daripada keputusan mesyuarat, pentadbiran Majlis telah mengangkat kertas pertimbangan tersebut ke Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan pada 16/2/2026.</p> <p style="text-align: right;">STATUS: SELESAI</p>

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
	 <p><i>Syor audit:</i> Pemantauan secara berkala perlu dilaksanakan oleh ULK bagi mengenalpasti kawasan yang berpotensi dikuatkuasakan bagi meningkatkan hasil majlis.</p>	


MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA


BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS								
6.	<p><u>Pelaksanaan Aktiviti Penguatkuasaan</u></p> <p>Berdasarkan Seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah mewartakan Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Bermeter) 1994. Selain itu, Seksyen 120 Akta yang sama memberi kuasa kepada Datuk Bandar atau pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk mengkompaun kesalahan dengan jumlah tidak melebihi RM300. Perintah tersebut turut menetapkan larangan berkaitan tempat letak kereta di bawah Perenggan 6, 7, 8, 15, 17, 18, 19, 20 dan 22.</p> <p>Semakan dan lawatan UAD ke beberapa kawasan perniagaan di Seremban dan Nilai mendapati terdapat banyak premis kategori wajib yang tidak memohon sewa petak khas dari MBS.</p> <p>Berdasarkan Kertas Pertimbangan mesyuarat JKMA MBS Bil 3/2025 telah bersetuju Premis Perniagaan berkategori wajib perlu memohon sekurangngnya 2 petak khas untuk laluan masuk premis mereka.</p> <p style="text-align: center;">Premis Perniagaan Kategori Wajib</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin: 10px 0;"> <thead> <tr> <th style="width: 10%;">BIL</th> <th>JENIS PERNIAGAAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1.</td> <td>Kedai pameran/ menjual – kereta atau motosikal</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2.</td> <td>Premis perniagaan mencuci/ mengilat/ mengetuk/ mengecat kenderaan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3.</td> <td>Premis perniagaan menjual tayar/ menjual bateri/ bengkel kenderaan</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Syor Audit:</i> Penguatkuasaan perlu dilaksanakan bagi memastikan premis berkategori wajib ini memohon dan membuat bayaran bagi petak sewa khas sekaligus dapat meningkatkan hasil majlis.</p>	BIL	JENIS PERNIAGAAN	1.	Kedai pameran/ menjual – kereta atau motosikal	2.	Premis perniagaan mencuci/ mengilat/ mengetuk/ mengecat kenderaan	3.	Premis perniagaan menjual tayar/ menjual bateri/ bengkel kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> • ULK mengambil maklum berkenaan premis perniagaan kategori wajib yang tidak memohon penggunaan Petak Sewa Khas (PSK). • Bagi menangani perkara tersebut ULK telah membawa Kertas JKMA bil.3/2025 bagi mengalakkan premis tersebut memohon Petak Sewa Khas dengan harga sewa yang berpatutan. • ULK juga telah meminda tempoh sewaan yang sebelum ini bermula Januari – Jun (6 bulan) dan Julai – Disember (6 bulan) kepada setahun iaitu berdasarkan tempoh pembaharuan lesen. • Berdasarkan perkara tersebut ULK memohon supaya kakitangan di kaunter Jabatan Pelesenan memberi perhatian kepada premis kategori wajib untuk membuat pembaharuan Petak Sewa Khas (PSK) seperti syarat awal kelulusan lesen. • Satu mesyuarat penyelarasan Penguatkuasaan Petak Sewa Khas telah diadakan pada 27 Januari 2026 yang dipengerusikan oleh Setiausaha, MBS dan hasil keputusan dengan cop khas pada patil lesen untuk permohonan yang baharu pada tahun pertama yang disyaratkan sewa petak khas. • Pelaksanaan penggunaan cop dikuatkuatkan pada 1 Februari 2026. <p style="text-align: right; font-weight: bold; margin-top: 20px;">STATUS: SELESAI</p>
BIL	JENIS PERNIAGAAN									
1.	Kedai pameran/ menjual – kereta atau motosikal									
2.	Premis perniagaan mencuci/ mengilat/ mengetuk/ mengecat kenderaan									
3.	Premis perniagaan menjual tayar/ menjual bateri/ bengkel kenderaan									

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
	 <p data-bbox="256 1458 863 1525">Gambar premis yang tidak memohon petak sewa khas</p>	

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
7.	<p><u>Inisiatif Kutipan Tempat Letak Kereta Oleh Syarikat</u></p> <p>a. Syarikat Oval membuat inisiatif hebahan berkaitan kutipan kompaun atau makluman tempat letak kereta kepada orang awam dengan menggunakan beberapa kaedah seperti media digital, papan tanda, poster dan kaedah kenderaan bersuara.</p> <p>Penggunaan kereta bersuara (van/kereta dengan pembesar suara bergerak) adalah antara kaedah hebahan tradisional yang masih berkesan, terutamanya di kawasan tumpuan awam atau tempat masyarakat kurang akses kepada media digital.</p> <p>b. Syarikat Suasa juga ada membuat inisiatif hebahan berkaitan kutipan kompaun atau makluman tempat letak kereta kepada orang awam dengan menggunakan beberapa kaedah seperti media digital, papan tanda, poster dan penggunaan Sticky notes fizikal berwarna MERAH – nota kecil berpelekat (Post-it) yang dicatatkan jumlah kompaun bagi suatu kenderaan.</p> <p>Gambar Contoh Sticky Note Syarikat Suasa</p> <div style="text-align: center;">  </div>	

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
8.	<p><u>Prestasi Kutipan Hasil</u></p> <p>Terdapat 4 jenis hasil yang diperoleh melalui pengurusan tempat letak kereta iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Teriman Letak Kereta Harian b) Terimaan Letak Kereta Bulanan (Sewa Khas) c) Terimaan Letak Kereta Kontraktor d) Hasil Kompaun Tempat Letak Kereta (50:50) <p>Berdasarkan data hasil di bawah, terdapat peningkatan hasil sebanyak 50% bagi tahun 2024 berbanding jumlah tahun 2023.</p> <p>Jumlah kutipan hasil bagi tahun 2023 sehingga 30 Jun 2025 bagi hasil di atas adalah seperti dibawah:</p>	<p>MAKLUMAN</p>

Tahun	2023 (RM)	2024 (RM)	2025 (sehingga 30/6/2025) (RM)
Jenis Kutipan Hasil			
Terimaan Letak Kereta Harian	22,642.20	22,815.40	14,469.40
Terimaan Letak Kereta Bulanan (Sewa Khas)	998,545.50	1,230,461.50	623,586.50
Terimaan Letak Kereta Kontraktor	2,757,545.59	4,677,095.41	1,756,549.33
Hasil Kompaun Tempat Letak Kereta (50:50)	1,344,788.50	1,761,302.00	1,119,528.00
JUMLAH	5,123,521.79	7,691,674.31	3,514,133.23

berdasarkan data dari ULK*

9.	<p><u>Tunggakan Terimaan Letak Kereta Kontraktor</u></p> <p>Berdasarkan penyata akaun bagi terimaan letak kereta, terdapat tunggakan melibatkan akaun Oval Success Sdn Bhd sebanyak RM 2,255,872.88 sehingga 30/6/2025.</p> <p>Merujuk kepada keputusan JKMA Bil 9/2022 terdapat penstrukturan bayaran balik jumlah hutang sebanyak RM 38,367.29 sebulan</p>	<p>MAKLUMAN</p>
----	--	------------------------

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
	<p>selama 60 bulan mulai Januari 2023. Walaubagaimanapun Syarikat Oval gagal membuat bayaran ansuran tersebut.</p> <p>Penstrukturan semula hutang kali kedua di berikan melalui surat bertarikh 26/12/2023. Majlis bersetuju penstrukturan semula jumlah hutang selama 60 bulan dengan ansuran bulanan sebanyak RM 47,395.72 dan RM 3,234.25 bagi setiap akaun mulai Januari 2024.</p> <p>Berdasarkan semakan bayaran ansuran, UAD mendapati syarikat ada membuat bayaran ansuran mengikut jadual dan tunggakan ansuran hanya 2 bulan sepanjang ansuran tersebut bermula.</p> <p>Perbandingan Jumlah Tunggakan Terimaan Letak Kereta Kontraktor Sebelum Penstrukturan Semula Tunggakan Kali Ke 2 mulai Januari 2024 dan Tunggakan Semasa Sehingga 30/6/2025</p>	

Syarikat Oval Success Sdn Bhd	Tunggakan pada 1/11/2023 (RM)	Tunggakan Pada 30/6/2025 (RM)	Penurunan Tunggakan (RM)
Jumlah Tunggakan	3,037,789.74	2,255,872.88	781,916.85

Jumlah tunggakan adalah melibatkan 2 akaun

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS																																																						
10.	<p><u>Notis Peringatan</u></p> <p>Berdasarkan laporan, terdapat tindakan oleh ULK bagi mengeluarkan notis peringatan kompaun bagi kompaun tempat letak kereta yang tidak berbayar.</p> <p>Jumlah notis peringatan yang dikeluarkan berbanding kompaun yang tidak berbayar adalah antara 4.67 % - 6.75%. bagi 2023 dan 2024 ianya diterangkan seperti jadual di bawah.</p> <p><i>Syor Audit:</i> Tindakan bagi meningkatkan pengeluaran notis peringatan perlu dilaksanakan jabatan dengan lebih efisien bagi meningkatkan hasil dan mengurangkan tunggakan kompaun.</p> <p>Selain daripada itu, tindakan ini juga dapat mendisplinkan pemilik kenderaan bagi membayar caj petak letak kereta yang ditetapkan Majlis.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">Tahun</th> <th style="width: 20%;">Jumlah Kompaun Yang Tidak Berbayar (Helai)</th> <th style="width: 20%;">Notis Peringatan Yang Dikeluarkan (Helai)</th> <th style="width: 45%;">Peratus Pengeluaran Notis (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">2024</td> <td style="text-align: center;">273,213</td> <td style="text-align: center;">12,762</td> <td style="text-align: center;">4.67%</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2025 Sehingga 30 Jun 2025</td> <td style="text-align: center;">153,823</td> <td style="text-align: center;">10,394</td> <td style="text-align: center;">6.75%</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun	Jumlah Kompaun Yang Tidak Berbayar (Helai)	Notis Peringatan Yang Dikeluarkan (Helai)	Peratus Pengeluaran Notis (%)	2024	273,213	12,762	4.67%	2025 Sehingga 30 Jun 2025	153,823	10,394	6.75%	<ul style="list-style-type: none"> ULK mengambil tindakan berterusan bagi pengeluaran notis peringatan Bagi memberi galakan orang awam membayar kompaun, JUUP ada membuat kempen pengurangan dan terlibat dalam kaunter bergerak. Tindakan mahkamah akan diambil kepada orang awam yang ingkar membayar kompaun Notis peringatan yang telah dikeluarkan pada Tahun 2025 seperti berikut: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th style="width: 10%;">Bil.</th> <th style="width: 40%;">Bulan</th> <th style="width: 50%;">Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td style="text-align: center;">1.</td><td style="text-align: center;">Januari</td><td style="text-align: center;">1,160</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">2.</td><td style="text-align: center;">Februari</td><td style="text-align: center;">2,333</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">3.</td><td style="text-align: center;">Mac</td><td style="text-align: center;">1,439</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">4.</td><td style="text-align: center;">April</td><td style="text-align: center;">1,139</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">5.</td><td style="text-align: center;">Mei</td><td style="text-align: center;">2,351</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">6.</td><td style="text-align: center;">Jun</td><td style="text-align: center;">1,972</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">7.</td><td style="text-align: center;">Julai</td><td style="text-align: center;">1,906</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">8.</td><td style="text-align: center;">Ogos</td><td style="text-align: center;">805</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">9.</td><td style="text-align: center;">September</td><td style="text-align: center;">811</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">10.</td><td style="text-align: center;">Oktober</td><td style="text-align: center;">2985</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">11.</td><td style="text-align: center;">November</td><td style="text-align: center;">1479</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">12.</td><td style="text-align: center;">Disember</td><td style="text-align: center;">583</td></tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: center;">Jumlah</td> <td style="text-align: center;">18,963</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: right; margin-top: 20px;">STATUS: SELESAI</p>	Bil.	Bulan	Jumlah	1.	Januari	1,160	2.	Februari	2,333	3.	Mac	1,439	4.	April	1,139	5.	Mei	2,351	6.	Jun	1,972	7.	Julai	1,906	8.	Ogos	805	9.	September	811	10.	Oktober	2985	11.	November	1479	12.	Disember	583		Jumlah	18,963
Tahun	Jumlah Kompaun Yang Tidak Berbayar (Helai)	Notis Peringatan Yang Dikeluarkan (Helai)	Peratus Pengeluaran Notis (%)																																																					
2024	273,213	12,762	4.67%																																																					
2025 Sehingga 30 Jun 2025	153,823	10,394	6.75%																																																					
Bil.	Bulan	Jumlah																																																						
1.	Januari	1,160																																																						
2.	Februari	2,333																																																						
3.	Mac	1,439																																																						
4.	April	1,139																																																						
5.	Mei	2,351																																																						
6.	Jun	1,972																																																						
7.	Julai	1,906																																																						
8.	Ogos	805																																																						
9.	September	811																																																						
10.	Oktober	2985																																																						
11.	November	1479																																																						
12.	Disember	583																																																						
	Jumlah	18,963																																																						
11.	<p><u>Bayaran Balik Gaji, Tuntutan Perjalanan, Kerja Lebih Masa, Pakaian Seragam, Kasut, Aksesori dan Bonus</u></p> <p>Merujuk kepada perjanjian, syarikat perlu menanggung segala kos operasi termasuk gaji, tuntutan perjalanan, kerja lebih masa, pakaian seragam, kasut, aksesori dan bonus bagi attenden letak kereta yang dilantik.</p> <p style="margin-left: 20px;">a. Tunggakan Bayaran Balik Berdasarkan laporan bayaran balik di atas yang disediakan oleh JKW, audit mendapati jumlah tunggakan bayaran balik sehingga 30/6/2025 adalah seperti dibawah.</p>	<p style="font-size: 1.2em; margin: 0;">MAKLUMAN</p>																																																						

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
	Syarikat	Jumlah Tunggakan Bayaran Balik sehingga 30/6/2025
	Catatan	
	Syarikat Oval Success Sdn Bhd	RM 14,890.90
	Suasa Efektif Sdn Bhd	RM 39,327.12
		Tunggakan adalah bagi sebahagian bayaran balik bulan Jun 2025 . Pembayaran hasil kompaun 50% dikontra dengan bayaran balik setiap bulan.
		Tunggakan adalah bagi bayaran balik bulan Jun 2025 .

11.	<p>b. Tuntutan Pakaian Seragam, Topi dan Bantuan Khas Kewangan</p> <p>Semakan audit mendapati tiada tuntutan bagi bayaran balik pakaian seragam dan topi bagi tahun 2022 dan bantuan khas kewangan bagi Februari 2024 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 30,816.35</p> <p>Semakan ini dibuat berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kewangan bagi bayaran balik syarikat Suasa.</p> <p>Mohon semakan dan tindakan selanjutnya JKW bagi bayaran balik diatas.</p>	<p>Bayaran balik telah di buat oleh Suasa Efektif Sdn Bhd pada 26/9/25 bagi bayaran bantuan khas (BIKK) Februari 2024 RM 19,311.35, bayaran aksesori dan pakaian seragam pada 25/10/25 masing-masing RM 3,640.00 dan RM 7,865.00</p> <p style="text-align: right;">STATUS : SELESAI</p>
-----	---	--

Syarikat	Tahun	Pakaian Seragam	Aksesori (Kasut & Tali Pinggang)	Bantuan Khas Kewangan
Suasa Efektif Sdn Bhd	2022	RM 7,865.00	3,640.00	-
	2024 (Feb)	-	-	RM 19,311.35
	Jumlah	RM 7,865.00	3,640.00	RM 19,311.35

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
12.	<p><u>Pengurangan Bayaran Caj Sewa Bulanan Petak Letak Kereta</u></p> <p>Berdasarkan Mesyuarat JKMA Bil 3/2022, Majlis telah bersetuju memberi pengurangan kadar petak letak kereta daripada RM 18.00 kepada RM 1.00 bagi petak yang tidak aktif (kosong) sebanyak 983 petak di kawasan Nilai yang melibatkan Suasa Effektif Sdn Bhd mulai April 2022.</p> <p>Jumlah pengurangan sebulan adalah RM 16,711.00 (983 petak X RM17)</p> <p>Jumlah petak yang tidak aktif (kosong) yang diluluskan melibatkan kawasan berikut:</p>	<p>ULK telah mengadakan lawatan bersama UAD ke lokasi di bawah pada 22/9/2025 dan lawatan semula oleh ULK pada 1/10/2025 mendapati kawasan tersebut masih kurang kenderaan.</p> <p>Bagi Jalan BBN 1/2B iaitu kawasan yang bakal di buka perniagaan dan berpotensi untuk aktif akan dikenakan caj pada masa akan datang.</p> <p style="text-align: right;">STATUS: SELESAI</p>

Bil	Nama Kawasan	Lokasi	Petak Kosong
1	Putra Nilai (Maybank)	Jalan BBN 1/2A	291
		Jalan BBN 1/2B	
		Jalan BBN 1/2F	
		Jalan BBN 1/2M	
		Jalan BBN 1/2K	
2	Putra Nilai (RHB)	Jalan BBN 1/1A	298
		Lorong Belakang BBN 1/1A	
		Jalan BBN 1/1D	
	Jalan BBN 1/1F		
3	Putra Nilai (Honda)	Jalan BBN 1/7B	212
		Jalan BBN 1/7D	
		Lorong Jalan BBN 1/7D	
4	Taman Desa Cempaka (Khaliq Bistro)	Jalan BBN 6/3A (Tapak Pasar Malam)	182
Jumlah Keseluruhan			983

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
	<p><u>Pengurangan Bayaran Caj Sewa Bulanan Petak Letak Kereta</u></p> <p>Lawatan audit pada 25/8/2025 mendapati terdapat petak letak kereta yang telah aktif bagi jalan di atas. Gambar lawatan tapak adalah seperti di lampiran.</p> <p>Selain kawasan di atas terdapat juga pengurangan kadar sewa bagi Syarikat Oval Success Sdn Bhd melalui Mesyuarat JKMA bil 10/2022 bagi kawasan dibawah.</p> <p><i>Syor Audit:</i> Jabatan perlu melihat semula status petak letak kereta bagi lokasi-lokasi di atas serta lokasi lain yang telah diberi pengurangan kadar. Ini memandangkan kertas kerja pengurangan kadar sewa tersebut dibuat 3 tahun lepas dan berkemungkinan petak letak kereta telah aktif pada masa kini.</p> <p>Semakan semula ini dapat meningkatkan hasil Majlis.</p>	

Bil	Tempat	Jumlah Petak	Kadar Harga Asal (RM)	Kadar Harga Selepas Pengurangan (RM)
1	Taman AST	397	11.76	5.88
2	Jalam Zamrud	44	11.76	5.88
3	Oakland Jalan Haruan 5/6	133	14.70	7.35
	Jumlah Petak	574		

Jumlah Pengurangan Hasil Sebulan RM 3,570.63

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
Unit Audit Dalam

PENGAUDITAN PENGURUSAN LETAK KERETA

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
13.	<p><u>Tiada Tindakan Pemadaman Petak Sewa Khas Yang Tidak Membuat Bayaran</u></p> <p>Berdasarkan semakan fail permohonan petak tempat letak kereta, UAD telah membuat lawatan di beberapa lokasi. Terdapat premis yang tidak membuat pembayaran pembaharuan bagi penggal seterusnya. Walaubagaimanapun, tiada tindakan bagi memadam garisan petak sewa khas</p> <p>Ringkasan jumlah premis yang tidak di ambil tindakan pemadaman petak sewa khas adalah sebanyak 27 premis.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk makluman kakitangan yang terlibat dalam kerja-kerja pengecat & penyelenggaraan Petak Sewa Khas seramai 13 orang dan dua (2) kenderaan. • Selain daripada PSK unit ini juga terlibat dalam mengecat petak motosikal, petak oku, <i>cross line</i> di kawasan pentadbran Majlis. Kekangan daripada kerja – kerja tersebut dan kenderaan yang seringkali rosak menyebabkan ada beberapa premis yang sepatutnya di cat dan padam terlewat dari tarikh yang sepatutnya. • Semakan ke atas 27 premis yang dinyatakan mendapati 17 premis telah di buat bayaran manakala 10 premis telah diambil tindakan pemadaman petak letak kereta telah dilaksanakan. <p style="text-align: right;">STATUS: SELESAI</p>

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

PENGAUDITAN PENGURUSAN WANG AMANAH

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
1.	<p>Objektif Pengauditan: Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan Akaun Amanah di Majlis Bandaraya Seremban telah dilaksanakan secara teratur, cekap dan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta selaras dengan Tatacara Penubuhan dan Arahan Amanah.</p> <p>Skop Pengauditan: Semakan ke atas aspek pengurusan, perakaunan, dan pematuhan bagi tiga Akaun Amanah utama iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akaun Caj Pemajuan, • Akaun Caj Khas Perancangan, dan • Akaun Amanah Sumbangan Perkuburan. <p>Pengauditan dilaksanakan berdasarkan rekod dan transaksi bagi tahun 2024 hingga Ogos 2025, yang meliputi semakan laporan Amanah, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah, Baucar dan Penyata Bank.</p>	MAKLUMAN
2.	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah</p> <p>a) Bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun Semakan mendapati Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah bagi ketiga-tiga akaun di atas di jalankan 2 kali setahun iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Bil 1/2024 – 14/8/2024 ➤ Bil 2/2024 – 11/12/2024 ➤ Bil 1/2025 – 7/7/2025 <p>b) Jawatankuasa Akaun Amanah</p> <p>Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban, manakala keanggotaan jawatankuasa terdiri daripada Setiausaha MBS serta Pengarah-Pengarah Jabatan JPP, JKW, JKB, JL, JTL, JUUP, JPPH dan JKJ.</p> <p>c) Tujuan mesyuarat Bagi meluluskan permohonan peruntukan untuk membiayai pelaksanaan projek di bawah wang amanah ini dan memastikan penerimaan dan penggunaan wang adalah selaras dengan tujuan berdasarkan laporan hasil dan belanja yang dibentangkan.</p>	MAKLUMAN

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

PENGAUDITAN PENGURUSAN WANG AMANAH

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
PENGURUSAN WANG AMANAH		
3.	<p>Kelulusan Perbelanjaan Wang Amanah Antara fungsi utama Jawatankuasa Akaun Amanah adalah untuk meluluskan permohonan peruntukan bagi membiayai perbelanjaan di bawah akaun berkenaan.</p> <p>Namun demikian, semakan audit mendapati terdapat beberapa perbelanjaan yang telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal dan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum dibentangkan untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Amanah. lanya seperti di bawah.</p> <p>Syor Audit: Jabatan hendaklah memastikan perancangan awal program atau projek disediakan dan dibentangkan untuk kelulusan Jawatankuasa Amanah terlebih dahulu sebelum sebarang tanggungan atau perbelanjaan dilaksanakan.</p>	<p>Perkara ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Tabung Amanah Caj Khas Perancangan Majlis Bandaraya Seremban Bil.02/2025 bertarikh 12 Disember 2025 dan telah memutuskan agar pindaan Tatacara Penubuhan Dan Arahan Akaun Tabung Amanah perlu dibuat dengan memasukkan klausa berkaitan Kelulusan Kertas Pertimbangan Pegawai Pengawal (Datuk Bandar).</p> <p>Kertas kerja pindaan dan tambahan klausa terhadap tatacara penubuhan dan arahan akaun tabung amanah MBS telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKMA (Bil 3/2026)</p> <p style="text-align: right;">STATUS: SELESAI</p>

Kelulusan Perbelanjaan Akaun Amanah

Bil	Butiran	Jumlah (RM)	Tarikh Kelulusan Pegawai Pengawal	Tarikh Dibentangkan dalam Mesyuarat Amanah	Tarikh Baucer Bayaran
